

Bil. 60

**Selasa
12 Disember 1995**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Pengerusi Sementara Mesyuarat—

Y.B. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut] [Ruangan 1]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN** [Ruangan 1]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT** [Ruangan 17]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1996

Jawatankuasa:

Jadual—

Maksud B. 50 [Ruangan 17]

Maksud B. 51 [Ruangan 30]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1996

Jawatankuasa:

Maksud P. 50 [Ruangan 17]

Maksud P. 51 [Ruangan 30]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DRS. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL., P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K. (Lipis).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).

- Yang Berhormat TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timur).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ TUAN SALAMON BIN SELAMAT, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Hajah Kalsom binti Ghazali. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Rozita binti Abd. Samad. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.
--------------------	--

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 12hb Disember, 1995

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua Tuan Haji
Johar bin Mahiruddin—*mempe-
ngerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TIMBALAN
YANG DI-PERTUA

PENGERUSI SEMENTARA
MESYUARAT-

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. ZIHIN
BIN HAJI MOHD. HASSAN
(LARUT)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji
Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli
Yang Berhormat, oleh kerana Yang
Berhormat Tuan Ong Tee Keat, Timbalan
Speaker, tidak dapat hadir pada hari ini
dan Tuan Yang di-Pertua terpaksa
mengikuti delegasi dari Negeri China
untuk mengadakan kunjungan hormat ke
atas Yang Amat Berhormat Perdana
Menteri, maka melalui peruntukan
Peraturan Mesyuarat 7(3), saya ingin
memaklumkan kepada Majlis Mesyuarat,
Yang Berhormat dari Larut diminta dapat
mempengerusikan mesyuarat ini bagi
sementara pada pukul 4.00 petang hari
ini. *(Tepuk).*

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI

PERTANYAAN-
PERTANYAAN

BEKALAN ELEKTRIK
LUAR BANDAR—
PERUNTUKAN TAHUNAN

1. Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan berapakah peruntukan tahunan yang disediakan oleh kementerian kepada Tenaga Nasional Berhad mengadakan bekalan elektrik di kawasan-kawasan luar bandar dan adakah pihak kementerian sedar bahawa terdapat kerumitan bagi penduduk luar bandar untuk menikmati bekalan elektrik tanpa peruntukan khusus oleh kementerian. Tenaga Nasional Berhad juga hendaklah mengambil kira pemasangan talian-talian baru di kawasan-kawasan rancangan tanpa mengambil kira keuntungan yang bakal diperolehi, lebih-lebih lagi kawasan penempatan atau perkampungan baru.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Pembangunan Luar Bandar (Tuan
Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang
di-Pertua, peruntukan tahunan yang
disediakan oleh kerajaan dalam Rancangan
Malaysia Keenam kepada Tenaga Nasional
Berhad untuk bekalan elektrik luar bandar
adalah seperti berikut:

1991	-	RM47.6 juta
1992	-	RM20.0 juta
1993	-	RM26.7 juta
1994	-	RM14.9 juta
1995	-	RM35.0 juta

Jumlah	-	RM144.2 juta

Memanglah penyelenggaraan projek bekalan elektrik luar bandar kurang menguntungkan Tenaga Nasional Berhad. Bagaimanapun Tenaga Nasional Berhad bekerjasama dengan kerajaan dalam membekalkan bekalan elektrik luar bandar. Berdasarkan persefahaman dengan kerajaan, TNB tidak mengambil kira keuntungan semata-mata dalam pelaksanaan projek elektrik di kawasan luar bandar.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya cuma ingin tahu bagaimanakah Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan dapat menyelesaikan permasalahan bekalan elektrik luar bandar bagi perkampungan Orang Asli? Umpamanya di kawasan saya di Jelebu, suatu kampung Tohor namanya, yang ada 30 keluarga Orang Asli dan 15 keluarga orang Melayu yang mana telah pun dipohon peruntukan ini sejak Rancangan Malaysia Keempat lagi. Jadi, saya ingin tahu bagaimanakah Kementerian Yang Berhormat dapat menyelesaikan masalah ini untuk memberikan kemudahan asas kepada mereka yang berkenaan?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya kita mengadakan projek bekalan elektrik luar bandar ini kepada kawasan-kawasan yang dapat dihubungi dengan punca bekalan melalui talian grid. Tetapi kalau ada tempat-tempat yang mungkin tidak ekonomik untuk disambung, kementerian sedang menimbang berbagai pendekatan. Misalnya di Sarawak dan Sabah ada projek pembekalan seperti menggunakan sumber solar ataupun pembekalan diesel isolated system. Jadi, saya harap Yang Berhormat dapat menyampaikan kepada Pejabat Kemajuan Negeri mengenai masalah yang dihadapi oleh kawasan Yang Berhormat itu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin tahu, di kawasan-kawasan yang telah pun ada rangkaian bekalan elektrik luar bandar, mengapakah kerja-kerja menyambung ke rumah penduduk-penduduk yang baru di kawasan tersebut terlalu lama pelaksanaannya?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian sedar bahawa dalam beberapa tempat walaupun kebanyakan tempat itu ada sambungan talian elektrik, tetapi oleh kerana rumah-rumah itu mungkin rumah baru ataupun penempatan baru, maka kita kena mengambil masa untuk menyelaraskan supaya pembekalan dapat disediakan. Tetapi kementerian cuba dengan sedaya upaya untuk menentukan mereka ini dapat dibekalkan dengan elektrik secepat mungkin.

PERKHIDMATAN POS DI KAWASAN PERUMAHAN BARU- CADANGAN MENGADAKAN

2. **Dato' Yap Pian Hon** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan tentang pandangan atau cadangan di mana satu syarat tertentu digariskan supaya khidmat pos diadakan dalam setiap kawasan projek perumahan baru. Adakah mungkin pihak Pos Malaysia Berhad bekerjasama dengan pihak pemaju supaya khidmat pos berada di merata-rata kawasan perumahan.

12. **Dr. L. Krishnan** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah kementerian sedar kelewatan penghantaran surat-surat masih berlaku. Jika sedar apakah sebab kelewatan tersebut dan langkah bagi mengatasi kelewatan ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, Pos Malaysia mempunyai rancangan mewujudkan rangkaian khidmat pos di kawasan perumahan dan

juga di kawasan pertumbuhan (growth areas) selaras dengan strategi perkembangan perniagaan. Rangkaian khidmat pos yang pertama ke sesuatu kawasan perumahan ialah perkhidmatan hantaran surat yang dibuat sebaik sahaja ada penduduk serta permintaan. Rangkaian pos seperti wakil pos, vendor setem, pejabat pos mini atau pejabat pos di tempatkan di satu-satu kawasan perumahan sesuai dengan permintaan kepada perkhidmatan. Di samping itu, Pos Malaysia juga sentiasa berhubung dengan pemaju perumahan untuk mendapat tapak pejabat pos dan pengenalan sistem penyerahan ke kawasan perumahan baru.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan mengenai Jabatan Pos. Soalan ini dikemukakan oleh kerana orang kampung saya merungut kenapa perkhidmatan Jabatan Pos sekarang begitu lambat penghantaran surat, sehingga ada temuduga-temuduga bagi Perkhidmatan Pendidikan terlewat diterima. Oleh yang demikian, tidak dapat hadir pada temuduga-temuduga tertentu. Adakah kelewatan disebabkan oleh kerana ada Pos Laju? Adakah disebabkan oleh perkhidmatan buruh ataupun pekerja-pekerja itu dikurangkan atas sebab-sebab pengkorporatan ataupun mungkin overtime dikurangkan? Minta penjelasan.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini juga ditanya oleh Yang Berhormat dari Telok Kemang hari ini juga merupakan soalan pokok. Kalau diizinkan saya boleh jawab serentak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian tidak menafikan berlakunya kelewatan dalam penghantaran surat. Tetapi bilangan kes kelewatan adalah

amat kecil, kalau sekiranya dibandingkan dengan jumlah surat yang dikendalikan, di mana dalam setahun Pos Malaysia Berhad mengendalikan 1.04 bilion keping surat. Kelewatan yang berlaku boleh disebabkan oleh tiga faktor utama, iaitu:

- (i) kakitangan Pos Malaysia Berhad yang cuai atau membuat kesilapan;
- (ii) pelanggan Pos Malaysia tidak menulis poskod yang betul, tidak menulis nama dan alamat yang lengkap dan terang atau setem yang tidak mencukupi kadarnya;
- (iii) faktor luaran seperti kemalangan, banjir atau insiden luar jangkaan lain, juga boleh melewatkan penghantaran mel. Maka beberapa sebab yang disebutkan oleh Yang Berhormat termasuk kurang overtime ini tidak kena-mengena.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan lebih 1 billion keping surat yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Pos, dan memandangkan masih berlaku masalah kelewatan dan kehilangan—baru-baru ini pada bulan September, saya hantar dua surat ke United Kingdom, tetapi sampai sekarang tidak dapat diterima.

Beberapa Ahli: (Menyampuk)

Dr. Tan Seng Giaw: Ini mukadimah, tunggu sekejap. Kita mesti terangkan dahulu. Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua pucuk surat ini tidak diterima sampai sekarang, lebih dari dua bulan. Kemudian, bila saya gunakan Pos Laju, sampai ke destinasi dengan cepat. Hari ini saya terima beberapa pucuk surat, walaupun ditulis dengan terus terang alamat dan nama, tetapi pos itu bukan untuk saya, tetapi kepada saya pula. Ini masalahnya. Memandangkan masalah seperti ini, apakah rancangan dan strategi untuk mengurangkan supaya kita dapat kecacatan sifar, zero defect?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup. (*Ketawa*).

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi, pihak Pos Malaysia tidak menafikan bahawa ada kelemahan. Tetapi saya juga hendak mengingatkan Yang Berhormat dari Kepong bahawa mustahil bagi satu pentadbiran Pos untuk mencapai seratus peratus. Memang tidak ada dalam dunia ini, tidak ada satu pentadbiran Pos yang mencapai kecekapan seratus peratus. Yang baik sekali ialah Pos New Zealand, cuma 98% sahaja. Pihak Pos Malaysia hendak mengikuti sistem yang diamalkan oleh pentadbiran Pos New Zealand.

Saya harap pada pertengahan tahun depan kita capai 96%. Untuk makluman Yang Berhormat, Pos Malaysia sentiasa memberi perhatian kepada kelewatan yang berlaku, dan memang dari semasa ke semasa mengambil tindakan segera untuk mengatasinya.

JAWATANKUASA PENILAI DAN PEMERIKSA PROJEK INFRASTRUKTUR—PENUBUHAN

3. **Tuan Yunus bin Rahmat** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah cadangan kementeriannya untuk mewajibkan penubuhan Jawatankuasa Penilai dan Pemeriksa Projek Infrastruktur memandangkan terdapatnya kelemahan mengesan kerosakan kemudahan asas di daerah-daerah dan negeri sehinggakan sesuatu jambatan atau jalan telah runtuh, barulah ianya disedari, dan nyatakan adakah cadangan kementerian beliau untuk membina jalan Persekutuan di antara bandar Seremban-Kuala Klawang dan Simpang Pertang-Kuala Klawang Jelebu, Negeri Sembilan, jika ada bila dan berapa peruntukan yang dijangka.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Kerja Raya belum bercadang untuk mewajibkan penubuhan Jawatankuasa Penilai dan Pemeriksa Projek Infrastruktur kerana amalan sekarang, di mana Jabatan Kerja Raya melakukan audit keselamatan setelah sesuatu projek itu siap direkabentuk/dibina dirasakan memadai.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, cadangan untuk memperbaiki/memperelokkan jalan sedia ada di Kilometer 4.1 hingga Kilometer 11.5 dan di Kilometer 21 hingga Kilometer 37 Jalan Seremban-Kuala Klawang telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dengan peruntukan sebanyak RM13 juta, iaitu RM10 juta bagi bahagian jalan di Kilometer 4.1 hingga Kilometer 11.5 dan RM3 juta bagi bahagian jalan di Kilometer 21 hingga Kilometer 37.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jalan tanah merah di antara Pengkalan Batu dan Nita dalam kawasan Parlimen saya amatlah penting, kerana ia merupakan jalan yang terdekat untuk ke Bandar Mersing. Saya perhatikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh tiada cadangan untuk menaikkan taraf jalan ini dengan membina jalan tar. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah bersetuju secara lisan untuk memberi pertimbangan menyenaraikan projek tersebut ke dalam RM-7. Oleh itu, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, sama ada ianya telah disenaraikan ke dalam RM-7, dan jika sudah, berapakah kosnya dan bila akan dilaksanakan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu telah dibangkit kepada saya baru-baru ini, dan saya telah mengadakan perbincangan dengan kementerian. Tetapi kita belum buat apa-apa ketetapan berkenaan dengan berapakah harga projek itu. Apabila siap kelak, saya akan menghubungi dengan Yang Berhormat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, sejak jadinya Lebuhraya Utara-Selatan saya jarang balik dengan kapal terbang. Saya selalu balik dengan kereta. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa di dalam terowong di Ipoh-barangkali, Yang Berhormat Menteri pergi di Lumut sahaja. Jadi, selepas Ipoh ada satu terowong, bila kita langut tengok di langit terowong itu, ada retak dan ada ditampung dengan simen. Adakah ini selamat untuk pengguna-pengguna jalan raya?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu sudah disiasat oleh jurutera-jurutera dan pakar perunding daripada PLUS Bhd. Apa yang saya dapat tahu, iaitu selamat, tidak ada apa-apa masalah.

PENSWASTAAN AGENSI ATAU SYARIKAT KERAJAAN PRESTASI ENTITI/SENARAI

4. Tuan Fu Ah Kiow minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan agensi atau syarikat kerajaan yang telah diswastakan dan prestasi entiti tersebut pada umumnya dari segi produktiviti, daya saing dan kos barangnya (atau perkhidmatannya); dan
- (b) senarai entiti kerajaan yang akan diswastakan pada masa depan.

20-12-95

6. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah jabatan dan agensi kerajaan yang diswastakan sehingga sekarang;
- (b) unjuran penswastakan jabatan dan agensi kerajaan dari 1996 hingga tahun 2000; dan
- (c) nyatakan nama jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang dijangka terlibat mengikut tahun.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya kira ada persamaan dengan soalan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian pada 20-12-95. Saya mohon untuk menjawab bersekali pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Baik.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini sebanyak 203 projek yang terdiri daripada jabatan-jabatan, agensi-agensi dan syarikat-syarikat kerajaan telah berjaya diswastakan. Berikutan daripada penswastakan projek-projek tersebut, beberapa kesan positif atau faedah telah pun dapat dinikmati oleh negara. Faedah-faedah tersebut termasuklah peningkatan produktiviti di mana terdapat beberapa indikator yang jelas menunjukkan bahawa penswastakan telah meningkat kecekapan. Contohnya, sebelum terminal kontena Pelabuhan Kelang diswastakan, masa purata yang diambil bagi memunggah kargo dari sebuah kapal di terminal tersebut ialah selama 11.7 jam. Tempoh ini dapat dikurangkan kepada 8.9 jam selepas dua tahun ia diswastakan.

Mengenai kos perkhidmatan pula, kebanyakan perkhidmatan yang diswastakan masih mengekalkan kadar tarif yang lama. Walau bagaimanapun, terdapat juga tarif perkhidmatan yang perlu dinaikkan atas sebab-sebab yang wajar.

Bagi industri yang bersifat monopoli, kerajaan akan memastikan bahawa pihak syarikat tidak akan mengenakan harga perkhidmatan mengikut kehendak mereka. Kerajaan telah menubuhkan beberapa badan kawal selia seperti Jabatan Bekalan Elektrik dan Jabatan Telekom Malaysia yang akan dipertanggungjawabkan dalam menentukan harga, mutu sesuatu perkhidmatan di samping memastikan bahawa perkhidmatan berkenaan tersedia apabila diperlu oleh pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang, kerajaan telah mengenalpasti kira-kira 251 lagi projek yang sesuai untuk diswastakan, termasuklah agensi-agensi dan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan. Jumlah ini mungkin akan meningkat kerana proses mengenal pasti agensi-agensi yang sesuai diswasta merupakan proses berterusan. Senarai projek ini terlalu panjang 251, hanya saya ingin menyebutkan bahawa di antara agensi-agensi yang akan diswastakan ialah beberapa bekalan air di negeri-negeri, universiti-universiti, pelabuhan-pelabuhan dan lain-lain.

Perancangan penswastakan diasaskan bagi tempoh dua tahun dan dikaji semula setiap akhir tahun. Bagi tahun 1995, beberapa agensi kerajaan telah dikenal pasti untuk diswastakan. Projek-projek yang akan diswastakan pada tahun 1996 hingga 2000 pula, sedang dalam peringkat kajian mengenai kesesuaian penswastakan dan seterusnya mendapat keputusan kerajaan sebelum diumumkan. Terima kasih.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan apa asas atau garis panduan yang digunakan untuk menentu syarikat mana yang akan memenangi satu projek penswastakan dan sama ada usaha sama di antara bumiputera dan bukan bumiputera akan diberi keutamaan dalam memenangi sesuatu projek. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Asas yang penting, tiap-tiap projek yang hendak diswastakan ialah:

- (i) projek-projek tersebut akan memberi faedah yang besar kepada negara dan rakyat;
- (ii) dari segi kecekapan projek-projek yang berkenaan, kalau kita dapati bahawa ia sesuai dan tidak menghadapi banyak masalah juga kita akan swastakan. Tidak berkait banyak mengenai sama ada projek itu berkait rapat dengan bumiputera ataupun bukan. Terima kasih.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila sesebuah agensi di syarikat kerajaan yang punya kuasa monopoli diswastakan, apabila ianya diswastakan kepada satu badan yang tertentu dan dikekalkan kuasa monopoli itu, maka kita cuma pindah kuasa monopoli itu daripada awam kepada swasta. Jadi, untuk mengurangkan economic rents yang terkumpul oleh entiti yang diswastakan itu, adakah menjadi satu polisi kerajaan supaya apabila kita hendak swastakan satu badan yang punya kuasa monopoli, kita swastakan kepada lebih daripada satu entiti untuk mewujudkan persaingan yang mengurangkan rents yang akan terhasil?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebelum satu projek yang kita panggil projek besar ataupun projek monopoli, kerajaan akan mengadakan satu badan kawal selia bagi menentukan supaya perkara-perkara yang diswastakan itu, syarat-syarat yang tertentu diikuti. Sebab itulah, apa sahaja projek-projek besar yang saya sebutkan tadi, walaupun kita swastakan tetapi kerajaan masih mempunyai ruang untuk menentukan perkara-perkara yang ditentukan oleh mereka itu boleh dilaksanakan ataupun tidak.

Sebab itu, kalaulah kita terpaksa memberikan sedikit perubahan kepada swasta yang berkenaan, kita mesti melihat bahawa tanggungan yang dibuat oleh projek berkenaan, kadangkala terpaksa kita memberi sedikit kelonggaran kerana perkara-perkara tertentu untuk memajukan projek mereka. Semasa kerajaan mengendalikan projek, kerajaan tidak masuk kira kos pengurusan, pembaikan dan sebagainya, tidak kira mesti dibayar oleh pengguna tetapi apabila diswastakan, kos sebenar akan dikira oleh swasta, sebab itulah kadang kala ada perbezaan di antara jagaan semasa kerajaan dengan pihak swasta. Tetapi, walau bagaimanapun, apabila diswastakan perkhidmatannya banyak kita lihat adalah lebih baik dan lebih cekap daripada sebelum diswastakan.

KEMALANGAN DI LEBUHRAYA UTARA-SELATAN—PUNCA

5. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah kemalangan yang berlaku dalam tahun 1993 hingga 1995 di Lebuhraya Utara-Selatan dan apakah punca-punca yang menyebabkan kemalangan tersebut; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang mengadakan syarat supaya semua bahagian kenderaan berat dicat warna luminus yang nampak dari jauh untuk mengelakkan kemalangan terutama apabila terdapat kenderaan berat yang rosak di tepi jalan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kemalangan yang berlaku dari tahun 1993 sehingga bulan Mei tahun 1995 di Lebuhraya Utara-Selatan adalah sebanyak 12,025 kemalangan. Sebab-sebab kemalangan pula adalah seperti berikut:

Gagal Mengawal Kenderaan	25%
Memandu Dengan Cara Merbahaya	16%
Cuaca Hujan	16%
Pemandu Tertidur	16%
Tayar Pecah/Bocor	13%
Halangan	6%
Langgar Lari	5%
Kerosakan Mekanikal Kenderaan	3%
Jumlah	100%

- (b) Kementerian Pengangkutan sedang menimbang cadangan mensyaratkan supaya semua bahagian belakang kenderaan berat dicat dengan warna luminus.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah daripada kemalangan yang berlaku ini mengakibatkan pengorbanan nyawa dan adakah keadaan jalan Lebuhraya Utara Selatan merupakan satu faktor utama di mana kemalangan seperti ini berlaku, kerana semasa saya berjalan di bahagian Pulau Pinang, Tuan Yang di-Pertua, kita ada nampak banyak bonggol jalan, bukan yang sengaja dibuat tetapi yang berlaku mungkin dengan semula jadinya, tetapi nampaknya susah hendak diatasi. Mungkinkah sebab keadaan jalan yang kurang baik dan sempurna merupakan satu faktor yang utama dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan PLUS mengatasi masalah ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1994 jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya bagi seluruh negara adalah 5,159 termasuk yang mati di atas jalan ekspres ataupun North-South Highway.

Untuk Makluman, soalan yang kedua tadi, apakah faktor utama terhadap kematian ini? Saya suka memaklumkan bahawa lebuhraya bukan merupakan sebab utama kemalangan. Sebab utama kemalangan adalah faktor kemanusiaan iaitu kelalaian manusia sendiri sebanyak 94% manakala faktor cuaca 2%, faktor mekanikal 1% dan faktor cacat jalan raya 3%.

Kementerian dengan kerjasama semua agensi yang terlibat dalam pembinaan jalan raya seperti PLUS dan juga Kementerian Kerja Raya sentiasa melihat dan memastikan supaya jalan-jalan di negara kita sentiasa selamat untuk dilalui.

Walau bagaimanapun, terdapat juga 3% daripada sebab kemalangan ini adalah kerana kecacatan jalan.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Timbalan Menteri menyatakan bahawa sebab utama kemalangan ialah kecuaiannya manusia yang terdiri daripada 94%. Satu masa dahulu, kerajaan melaksanakan kaedah menolak ataupun memberi markah kepada pemegang-pemegang lesen, jikalau membuat kesalahan di tolak kemampuan lesen tersebut dan mungkin dimansuhkan. Apakah kesan terhadap program ini untuk mengurangkan kemalangan di jalan raya di negara ini?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan kepada soalan yang berkenaan, memang terdapat kesan daripada segi mengenakan penolakan markah, iaitu boleh membawa kepada akibat pembatalan lesen. Namun demikian, kita melihat sebab-sebab banyak kemalangan berlaku adalah kerana pemandu-pemandu suka mengekori terlalu dekat, dia mengikut belakang itu mungkin dua kaki, sekaki, kerana itu apabila kereta depan brake, maka menyebabkan berlaku perlanggaran. Dan ini menyebabkan 39% adalah punca utama sekali kemalangan yang berlaku.

Yang kedua, adalah kerana membelok secara bahaya, bila dia hendak corner kanan itu, dia terus sahaja, itu 27%. Manakala memandu laju 13%, memotong secara bahaya 13% dan 8% lagi adalah memandu secara bahaya. Ini menunjukkan bahawa masih ramai lagi pemandu di negara kita lebih suka mengekori kenderaan dari belakang terlalu dekat. Inilah punca utama dan sekiranya ini dapat dikurangkan, maka kita percaya kemalangan di jalan raya akan dapat dikurangkan. Ini adalah angka tahun 1994.

Saya suka juga ingin menjelaskan bahawa daripada segi rekod polis dan JPJ, pemandu yang banyak sekali terlibat dalam kemalangan dan mati adalah mereka

yang menunggang motosikal dan juga yang membonceng motosikal yang merupakan 60% daripada 5,159 yang mati pada tahun 1994, kerana itu kementerian dengan kerjasama Majlis Keselamatan Jalan Raya telah pun mengarahkan supaya semua Majlis Keselamatan Jalan Raya negeri-negeri, mulai tahun depan menganjurkan kempen khusus untuk penunggang-penunggang motosikal secara agresif. Kerana sekiranya jumlah ini dapat dikurangkan, katakan 50% bermakna jumlah mereka yang mati di atas jalan raya dapat dikurangkan sebanyak 1,500 orang lagi. Dan kalau kita tolak 5,150 tolak 1,500 bermakna pada tahun 1996, kita harap orang yang mati di atas jalan raya berkurangan ke angka 3,000 lebih. Ini di antara fokus utama yang sedang kita lakukan di samping Majlis Keselamatan Jalan Raya sedang memperkenalkan pertandingan keselamatan jalan raya di peringkat negeri pada tahun hadapan yang mana ianya akan disiarkan apabila tiba masanya

EAEC—BENTUK DIPLOMASI TERHADAP JEPUN

6. Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof minta Menteri Luar Negeri menyatakan bentuk diplomasi yang digunakan terhadap negara Jepun untuk menyokong penubuhan EAEC.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dr. Leo Michael Toyad) Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, Malaysia dan negara-negara Asean lain telah pun mengadakan perbincangan dengan pihak Jepun dalam usaha mendapatkan penglibatan Jepun dalam EAEC. Usaha-usaha ini akan terus dijalankan bagi memyakinkan Jepun bahawa EAEC ini akan meningkatkan pembangunan ekonomi rantau ini dan ini adalah baik bagi Jepun dan juga negara-negara lain yang mempunyai hubungan ekonomi yang rapat dengan rantau ini.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah diperhatikan bahawa kita sangat mementingkan supaya negara Jepun ini memasuki dalam blok EAEC. Di sini saya bertanya kepada Timbalan Menteri, sejauh manakah tanpa penyertaan negara Jepun ini dalam blok EAEC, boleh menjejaskan keberkesanan objek penubuhan EAEC.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kita mementingkan peranan-peranan negara-negara yang di Asia Timur ini iaitu East Asia untuk sama-sama menyertai EAEC ini. Dan yang kita pastikan bahawa sumbangan Jepun sebagai sebuah negara yang begitu maju economically, adalah akan memberikan kesan yang baik dalam EAEC.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk kita melaksanakan EAEC ini tanpa Jepun juga diperbincangkan dan kita boleh katakan di sini bahawa usaha-usaha untuk membentuk EAEC itu atau melaksanakan EAEC itu tanpa Jepun pun boleh dipertimbangkan.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kerajaan sedar atau tidak, bahawa dalam banyak hal, tindakan Jepun seolah-olah mahu menghina ataupun mempermain-mainkan kita. Sebab sokongan kepada EAEC diletakkan syarat supaya Australia dan New Zealand dimasukkan bersama baru dia akan sokong. Begitu juga dalam banyak hal, Jepun lebih menyuarakan kepentingan negara-negara G7 dan OECD yang juga dianggotainya. Jadi, sama ada kementerian pernah berfikir bahawa dalam banyak hal, tindakan Jepun sebenarnya adalah mempermain-mainkan Malaysia.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu

bahawa tindakan-tindakan Jepun itu adalah sengaja untuk mempermain-mainkan Malaysia atau EAEC tetapi sebenarnya, inilah syarat-syarat yang telah diberi oleh Jepun kerana mereka belum dapat membuatkan satu keputusan yang tetap untuk menyertai EAEC ini dan mereka juga telah memasukkan syarat-syarat seperti memasuki Australia dan New Zealand yang kita anggapkan bukan dari segi kedudukan geografinya bukan dalam kawasan atau rantau East Asia dan ia juga memberi syarat supaya semua ahli Asia Pacific Economic (APEC) itu bersetuju dan tidak membantahkan dan semua ini kita anggapkan sebagai satu langkah supaya mereka ini belum dapat memberi ketetapan yang teguh untuk menyertai EAEC ini.

Walau bagaimanapun, kita percaya bahawa kita akan terus berusaha untuk mengendalikan bahawa EAEC ini adalah satu usaha meningkatkan lagi kerjasama di rantau ini, di antara negara-negara Asia Timur atau East Asian countries dan kita adalah menganggapkan bahawa negara-negara lain juga ada badan-badan seperti NAFTA atau Closer Economic Relations di Australia dan New Zealand. Kita berharap mereka ini akan memahami, walau bagaimanapun, kita tidak memahami mengapa mereka ini masih membantah usaha-usaha kita untuk mewujudkan EAEC ini.

KILANG PEMBUATAN— PENEMPATAN DI PUSAT SERENTI

7. **Tuan Hashim bin Ismail** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah pihak kerajaan bercadang untuk menggalakkan dengan memberi insentif-insentif tambahan supaya kilang-kilang pembuatan dapat diwujudkan di pusat-pusat serenti seluruh negara supaya tenaga-tenaga mahir dan separuh mahir yang terdapat di pusat-pusat serenti dapat dimanfaatkan dan sekaligus memberi peluang kepada penghuni-penghuni yang tidak mempunyai

sebarang kemahiran mendapatkan kemahiran tersebut bagi menjamin hidup mereka apabila mereka keluar nanti. Di samping itu, langkah ini juga akan menjadi satu sumber pendapatan kepada mereka semasa di dalam tahanan.

Timbalan Menteri perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, Penempatan sesebuah kilang di sesuatu lokasi itu adalah bergantung kepada faktor-faktor ekonomi dan ini merangkumi di antaranya kesesuaian lokasi, kemudahan infrastruktur, bekalan tenaga mahir dan separa mahir. Kerajaan tidak mempengaruhi para pelabur secara terus untuk menempatkan projek-projek mereka di sesuatu lokasi termasuk di tempat-tempat berhampiran dengan pusat-pusat serenti melalui pemberian galakan serta insentif.

Namun demikian, usaha oleh pusat-pusat serenti untuk menawarkan bekalan tenaga mahir dan separa mahir bagi dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat sememangnya disokong oleh kerajaan dalam keadaan sekarang di mana negara mengalami kekurangan tenaga kerja dan bagi menyerap bekas penagih dadah kembali ke masyarakat awam serta memberi pekerjaan kepada mereka.

Walau bagaimanapun, pengambilan tenaga kerja ini adalah bergantung kepada budibicara syarikat-syarikat berkenaan itu sendiri. Dalam konteks ini, pusat serenti juga sentiasa mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa dengan kilang-kilang yang berhampiran mengenai cara-cara tenaga buruh yang sedia ada ini dapat dimanfaatkan secara berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi tahun 1994, kerajaan telah turut berjaya mendapatkan pekerjaan di sektor swasta bagi 1,338 bekas penagih dadah. Usaha-usaha ini akan diteruskan di sepanjang masa.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan tambahan daripada Yang terhormat Timbalan Menteri. Mengikut jawapan Timbalan Menteri tadi kerajaan sentiasa memberi sokongan terhadap usaha-usaha yang disebutkan tadi. Apakah bentuk sokongan yang diberi memandangkan kilang-kilang tidak dapat didirikan di tempat-tempat atau di pusat-pusat serenti kerana asasnya adalah faktor ekonomi. Jadi, apakah bentuk sokongan ataupun insentif yang boleh diberi kepada kilang-kilang kiranya kilang-kilang berkenaan membawa keperluan perkhidmatan kilang itu ke pusat-pusat serenti. Bukan membawa kilang, tetapi membawa keperluan perkhidmatan untuk kilang itu di pusat serenti.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah dan sedang merancang projek-projek kecil dan sederhana di pusat-pusat serenti seperti Pusat Serenti Serendah, Pusat Serenti Dengkil dan Pusat Serenti Rawang, tetapi projek-projek ini haruslah dilaksanakan oleh pihak swasta. Setakat ini kementerian ini tidak ada rancangan galakan atau rancangan insentif untuk projek-projek itu.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada satu masa Amerika Syarikat ada melarang pengimportan produk-produk tekstil dari negeri China, kononnya produk-produk tekstil ini dibuat oleh banduan-banduan penjara. Saya ingin mendapat tahu dari Timbalan Menteri sama ada dasar Kerajaan Malaysia ini akan menghadapi kesulitan atau sekatan yang serupa apabila produk-produk yang keluar dari pusat serenti atau penjara dieksport ke negara-negara yang lain.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini tidak timbul di negara Malaysia.

KECACATAN BANGUNAN— ADUAN PEMBELI RUMAH

8. Tuan Vincent Lim Kuo Phau minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) setakat hari ini apakah jumlah aduan yang diterima dari pembeli rumah berhubung dengan kecacatan bangunan yang diakibatkan oleh pemaju perumahan dan sama ada aduan-aduan tersebut berhubung kait dengan kecukupan (sufficiency) per-untukan tempoh (defects liability) masa kini seperti mana yang ditetapkan dalam Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966;
- (b) jika ya, apakah sifat aduan-aduan tersebut; dan
- (c) adakah kementerian mempunyai sebarang cadangan untuk melanjutkan tempoh "defects liability" tersebut tanpa menjejaskan harga rumah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebanyak 1,003 aduan kecacatan telah diterima dari tahun 1985 sehingga tahun 1994. Dalam tahun 1994 sahaja kementerian telah menerima sebanyak 148 aduan kecacatan. Hampir ke semua aduan tersebut telah berlaku dalam tempoh liabiliti.
- (b) jenis aduan kecacatan yang telah diterima adalah seperti berikut:-
- | | | |
|------------|---|---|
| Mutu Kerja | — | seperti permukaan dinding, lantai tidak rata; |
| Keretakan | — | seperti pada dinding dan alang |

Kerosakan — seperti pada saiz tangki air, pintu, tingkap;

Kebocoran — seperti pada saluran paip dan bumbung

- (c) Kementerian sedang mengkaji cadangan untuk melanjutkan tempoh liabiliti.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah sama ada kementerian bercadang atau sedang mengkaji menukarkan peraturan dalam Akta Pemaju Perumahan di mana 'defects liability' itu dimulakan selepas pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki (Certificate of Fitness) dan bukan selepas pengambilan kunci seperti yang diamalkan sekarang.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Perkara ini pun akan dikaji sekarang.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, tekanan daripada pemaju perumahan di mana kebanyakan mereka menderma kepada Barisan Nasional..... (Disampuk). Tuan Yang di-Pertua, ini adalah suara guilty conscious.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Siapa yang makan cili dia merasa pedas.

Tuan Tan Kok Wai: Maka tekanan dari pemaju perumahan sering mempengaruhi pendirian dan keputusan kerajaan. Lebih kurang 3 bulan yang lalu, kita mendengar Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata bahawa "Demi kepentingan pembeli-pembeli rumah, kerajaan sedang menimbang untuk

melanjutkan tempoh defects liability dari 12 bulan ke-36 bulan, ini adalah satu cadangan yang baik, tetapi soalan saya ialah apakah Yang Berhormat sedar bahawa selepas pengumuman itu bantahan-bantahan daripada pemaju-pemaju perumahan dan diikuti baru-baru ini Kementerian Perumahan nampaknya memutuskan 15 bulan defects liability pun sudah mencukupi. Bukankah ini satu perubahan pendirian kementerian - cakap tidak serupa bikin. Bukankah ini disebabkan oleh tekanan dari pemaju-pemaju perumahan dan jika bukan, apakah sebabkan pendirian senang diubah?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat dari Cheras itu terlalu emosi. Kalau dia hendak cadangkan apa-apa aksinya seolah-olah dia marah dengan sesiapa.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menyebelahi pemaju atau pembeli. Pihak kementerian apabila hendak membuat sesuatu keputusan tentang perkara ini kita memang mengkaji di pihak pemaju dan juga di pihak pembeli dan kita akan mengeluarkan satu keputusan yang bijak kepada semua pihak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 9 dengan pembedaan — bukannya 'LKOFF' tetapi 'KLOFFE'.

KLOFFE— KRITERIA PEMILIHAN AHLI

9. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi minta Menteri Kewangan menyatakan atas pertimbangan atau kriteria apakah KLOFFE memilih 'trading membership' hanya kepada 40 syarikat. Tidaklah cara

ini menampakkan seolah-olah ianya seperti begitu eksklusif. Pemilihan ahlinya (trading membership) di asaskan pada apa. Kenapa ianya dibuat seperti tergesa-gesa dan tidak terbuka kepada umum.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengenai KLOFFE bukan LKOF, pada peringkat permulaan Perdagangan Urusniaga Hadapan Kuala Lumpur atau Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange Bhd. (KLOFFE) hanya mampu menawarkan keahlian kepada 40 syarikat sahaja. Pertimbangan itu dibuat setelah mengambil kira keperluan rangkaian bagi dagangan KLOFFE. Kelayakan pertama sebagai ahli perdagangan KLOFFE adalah syarikat itu dikehendaki memiliki modal berbayar minimum sebanyak RM5,000,000, didaftar dan ditubuhkan di Malaysia serta melanggan saham yang diterbitkan oleh KLOFFEE yang bernilai RM1.5 juta per ahli.

Kriteria-kriteria pemilihan ahli perdagangan KLOFFE adalah dibuat dengan mengambil kira integriti kewangan syarikat, kepakaran dan profesionalisme pemohon itu. Secara amnya tidak terdapat unsur-unsur eksklusiviti terhadap pemilihan-pemilihan yang dibuat oleh KLOFFE ke atas syarikat-syarikat ahlinya sama ada dari segi bilangan atau pemilihannya memandangkan maklumat berhubung perkara itu adalah maklumat umum dan disebarkan melalui prospektus yang didaftarkan dan diluluskan oleh pihak-pihak berkuasa tertentu.

Bagaimanapun, Suruhanjaya Sekuriti sedang meneliti agar kriteria-kriteria yang dinyatakan dalam prospektus itu dilaksanakan. Perlu dinyatakan juga bahawa syarikat-syarikat ahli ini masih perlu memenuhi kehendak-kehendak pelesenan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan, 1993 sebelum ianya boleh dilesenkan dan terus beroperasi.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semasa pembentangan Rang Undang-undang ini di Parlimen pada sesi yang lalu, KLOFFE menyatakan akan memulakan operasinya pada bulan November yang lalu, tetapi sehingga hari ini belum kita dengar bilakah perniagaan ini akan mula beroperasi dan saya ingin tahu setakat ini berapakah wakil-wakil peniaga yang telah diberikan tauliah atau diberikan lesen untuk menjalankan perniagaan ini sebagai wakil peniagaanya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, memang berlaku sedikit kelewatan di dalam operasi KLOFFE. Tanggal yang baru ialah 15hb. Disember, iaitu dua, tiga hari lagi pada tahun ini, saya harap Yang Berhormat dari Labuan mendapat jemputan untuk menghadirinya.

Untuk soalan kedua, setakat ini seramai 15 syarikat telah pun diluluskan untuk menjadi ahlinya daripada 40 dan kelulusan ini adalah muktamad dibuat oleh Menteri Kewangan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang bilangan pemohon yang tidak dapat menjadi ahli KLOFFE sungguhpun mereka memenuhi semua kriteria atau garis panduan serta syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak kementerian. Mengapakah pihak kementerian tidak mahu membenarkan mereka menyertai memandangkan usaha untuk menjayakan KLOFFE ialah untuk memastikan kita ada cukup liquidity, dengan izin, dan hanya dengan liquidity yang cukup, barulah kita boleh mendalami, we can deepen the capital market, dengan izin, dan oleh itu, bolehkah pihak kementerian seperti yang disoalkan oleh soalan asal oleh Yang Berhormat dari Bagan Datok

bahawa ini memberikan satu gambaran dengan menghadkan jumlah ahli-ahli bahawa ini adalah satu kelab eksklusif, hanya untuk orang-orang tertentu dan bukan untuk menjayakan usaha kerajaan menjayakan KLOFFE?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab soalan yang kedua dahulu. Mengikut kajian, kita dapati bahawa dengan memberi 40 syarikat dengan syarat-syarat pemegangan saham yang saya sebut tadi pada permulaannya akan mencukupi dari segi memberi liquidity untuk memperdalamkan pasaran options dan financial futures ini tetapi 40 itu bukanlah boleh kita sifatkan sebagai angka keramat, akan dibuka terus apabila pasaran ini berkembang dari masa ke semasa.

Jadi, jaringan 40 ini pada permulaannya adalah mencukupi untuk memenuhi syarat-syarat ataupun ciri-ciri Yang Berhormat Kota Melaka sebut tadi. InsyaAllah, apabila ianya berkembang nanti, mungkin kita lebarkan melebihi 40.

Untuk jawapan kepada soalan pertama, bukanlah tanggungjawab pihak pelesenan di Kementerian Kewangan untuk memilih. Tanggungjawab memilih ialah KLOFFE dan pihak kementerian hanya memberi kelulusan pada peringkat yang akhir iaitu datang kepada menteri. Jadi sebenarnya, untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Kota Melaka, satu coverage yang luas telah di buat iaitu 250 syarikat yang mempunyai ciri-ciri yang saya kata tadi telah dihantar prospektus KLOFFE, tetapi yang menyatakan minat hanya 120 sahaja dan yang menghantar balik borang permohonan hanya 81 dan 40 ini kita memilih daripada universe 81 itu.

Jadi, kemungkinan dalam masa dua, tiga tahun lagi yang tinggal 41 yang tidak terpilih itu akan terpilih, insya-Allah. Jadi, Yang Berhormat sabarlah sedikit.

**TOK BATIN—
ELAUN BULANAN**

10. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sama ada sedar sepanjang kempen pilihan raya kecil Parlimen Gua Musang baru-baru ini ada menteri yang berjanji untuk memberi elaun bulanan kepada semua Tok Batin di kawasan penempatan Orang Asli di Gua Musang. Sila nyatakan sama ada kerajaan bercadang akan memberi elaun bulanan kepada semua Tok Batin di kawasan penempatan Orang Asli di semua negeri di Semenanjung.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang prihatin terhadap kebajikan dan kehendak rakyat dan ini termasuk kebajikan masyarakat Orang Asli seperti di negeri Kelantan walaupun negeri Kelantan di bawah parti pembangkang. Pada masa ini semua Batin yang dilantik oleh kerajaan di semua negeri di Semenanjung Malaysia menerima elaun yang dipecahkan mengikut tiga kategori: Pertama, bayaran elaun sebanyak RM900.00, yang kedua RM750.00 dan yang ketiga, kategori RM600.00 setahun.

Elaun ini dibayar melalui dua cara iaitu dua kali setahun ataupun sekali setahun. Walau bagaimanapun, jabatan bercadang mengkaji semua fungsi dan peranan Batin yang sedia ada sesuai dengan hasrat jabatan untuk mengetengahkan Batin sebagai ejen perubahan catalyst di antara masyarakat Orang Asli dengan kerajaan. Selaras dengan itu, satu analisis dan unjuran berkaitan cadangan kadar elaun bulanan Batin akan dikaji bersama.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya amat terkejut dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak jawab langsung kerana ini adalah satu janji pilihan raya kecil di Gua Musang di mana seorang menteri membuat janji bahawa....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta soalan.

Tuan Lim Guan Eng: Okay, saya mahu tanya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu bahawa dia tidak menjawab soalan asal yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Seputeh di mana seorang menteri memberikan satu janji....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, tidak payah libatkan soalan Seputeh. Soalan Yang Berhormat yang dikemukakan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, itu soalan asal di mana seorang menteri memberikan satu janji tetapi masih belum ditunaikan. Adakah ini bermakna bahawa janji-janji yang dibuat oleh menteri tidak laku kalau mereka kalah dalam pilihan raya kecil? Kalau begitu, lebih baik tutup kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, hendak jawabkah? Ada jawapan?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu cadangan seseorang menteri ataupun pegawai kerajaan ataupun yang lain-lain. Kalau dia mengetahui satu perkara yang patut diubah ataupun disusun semula, cadangan boleh dibuat. Perkara elaun ini dibayar kepada Batin Orang-orang Asli hanya yang disebut tadi mulai berkuatkuasa pada 1hb. Julai 1990.

Jadi, oleh kerana itu, perkara ini akan dikaji dengan begitu mendalam kerana kita tahu Orang-orang Asli ini memang kedudukan kaum ini ialah ada yang di dalam pinggir hutan, ada yang dekat kampung dan ada juga bersama-sama dengan kaum-kaum yang lain. Jadi, oleh kerana itu, kebanyakan Orang Asli di

seluruh Semenanjung Malaysia ini akan tentu memerlukan kajian yang menyeluruh.

Tuan Liew Ah Kim: Soalan tambahan. Betapa mutakhir Barisan Nasional. Tiap kali ada pilihan raya ataupun pilihan raya kecil, semua janji diberi kepada orang-orang tempatan yang berkenaan. Ini satu contoh tidak elok untuk kita semua mempelajari, tidak bermoral.

Soalan saya ialah adakah perbuatan ini ketika Gua Musang mengadakan pilihan raya kecil itu, janji itu adalah bukan demi kepentingan Orang Asli di kawasan penempatan yang berkenaan? Itu adalah untuk kepentingan parti politik.

Tepat katanya ialah Barisan Nasional atau UMNO. *(Disampuk)* Sungguhpun begitu, calon Barisan Nasional kalah juga!

Timbalan yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat beri soalan, Yang Berhormat telah jawab sendiri! *(Ketawa)* Minta kemuka soalan.

Tuan Liew Ah Kim: Maka soalnya ialah, adakah Kerajaan Barisan Nasional.....*(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, apakah soalnya?

Tuan Liew Ah Kim:.....akan mengubah sikap seperti ini? Pada masa yang akan datang, jangan.....*(Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita dalam Parlimen, bukan waktu ceramah berpolitik. Minta soalan. *(Disampuk)*

Tuan Liew Ah Kim: Ya, ada skandal ini. kempen ini. Jangan buat lagilah! *(Ketawa)* *(Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya tahu, tidak ada soalan, Yang Berhormat. Dia berceramah politik! *(Ketawa)* Tak ada apa-apa Yang Berhormat hendak jawab. Tidak ada jawapan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah cukup, sudah dua, Yang Berhormat. Kita sudah ada dua soalan tambahan. Tidak boleh tambah lagi.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *(Menyampuk)*

**LEBUHRAYA BUKIT TENGAH,
SEBERANG PERAI—
JALAN SEMPIT/
STESEN REHAT**

11. Dr. Tan Chong Keng minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) adakah Lembaga Lebuhraya Malaysia sedar bahawa di kawasan-kawasan industri seperti Bukit Tengah, Seberang Perai, di mana jalan keluar/masuk Lebuhraya Utara-Selatan terlalu sempit dan telah menjadi 'leher botol' kepada lalu-lintas dan adakah pihak yang berkenaan bercadang melebarkan jalan keluar/masuk supaya terdapat dua lorong untuk setiap hala;
- (b) adakah Lembaga Lebuhraya Malaysia bercadang melengkapkan stesen-stesen rehat yang besar dengan pondok polis dan klinik kecemasan; dan
- (c) menyediakan stesen berehat yang sesuai bagi menempatkan penjaja-penjaja buah-buahan durian dan manggis dan sebagainya dekat

Changkat Jering, Perak, supaya kenderaan-kenderaan pembeli buah-buahan di tepi Lebuhraya Utara-Selatan tidak menjadi punca kemalangan jalan raya di sana.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan memang sedar mengenai masalah jalan yang sempit sehingga mewujudkan keadaan 'leher botol' kepada lalu-lintas di kawasan-kawasan industri seperti Bukit Tengah, Seberang Perai, terutama di kawasan berhampiran persimpangan bertingkat Juru Utara di Lebuhraya Utara-Selatan.

Bagi mengatasi masalah ini, syarikat konsesi PLUS Berhad sedang menjalankan kerja-kerja menaik taraf Jalan Persekutuan 1 dan persimpangan di kawasan tersebut. Kerja-kerja ini dijangka disiapkan pada akhir tahun ini.

- (b) Kerajaan mengambil perhatian mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Lebuhraya Utara-Selatan sewajarnya dilengkapi dengan pondok polis dan klinik kecemasan. Kedua-dua kemudahan ini akan diadakan sekiranya ianya benar-benar diperlukan.

Walau bagaimanapun, pada masa ini, pihak polis telah memberikan kerjasama yang baik dengan mengadakan rondaan hampir sepanjang masa di lebuhraya ini.

Bagi bantuan rawatan kecemasan, Unit Peronda PLUS Berhad yang dilengkapi dengan kemudahan pertolongan cemas

menjalankan rondaan selama 24 jam. Di samping itu, kemudahan telefon kecemasan yang dipasang sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan boleh digunakan jika berlaku sebarang kecemasan.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang berunding dengan pihak PLUS Berhad untuk mendirikan kawasan rehat di Bukit Gantang bagi menempatkan penjaja buah-buahan yang terdapat di sepanjang lebuhraya bahagian Changkat Jering.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu bahawa tempat-tempat rehat, khasnya di kawasan antara Kuala Lumpur dan Melaka, stretch yang dibina pada awalnya adalah tidak ditambah mengikut keperluan. Sebab itu selalu kita boleh melihat long queue, orang-orang yang mahu menggunakan kemudahan-kemudahan tempat-tempat rehat. Bukankah ini satu perkara yang sangat urgent dan bolehkah kementerian berkenaan mengambil perhatian dan tindakan yang perlu supaya keperluan orang ramai boleh ditunaikan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil perhatian dan saya akan berbincang dengan PLUS untuk mengadakan satu kajian berkenaan dengan perkara itu dan menyelesaikan masalah tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa untuk soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 23 dijilid dalam buku berasingan)

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
PERINDUSTRIAN SEKURITI
(PINDAAN) 1995**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya: dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERINDUSTRIAN SEKURITI
(DEPOSITORI PUSAT) (PINDAAN)
1995**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya: dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA PERKHIDMATAN
KEWANGAN LUAR
PESISIR LABUAN 1995**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mewujudkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan dan untuk membuat tuntutan ke atas fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya dan perkara-perkara yang berkaitan

dengannya: dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1996
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN
1996**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1996 dan Anggaran Pembangunan 1996 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis".
(Hari Kelima belas)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

**Maksud B.50 (Jadual) —
Maksud P.50 (Anggaran Pembangunan,
1996) —**

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kangar, sila sambung, Saya beri Yang Berhormat 6 minit.

3.36 ptg.

Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar): Tuan Pengerusi semalam saya bercakap mengenai francais dan dalam hal ini, sukacita ditegaskan bahawa perkara ini juga merupakan perkara yang penting yang dititikberatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam ucapan beliau semasa merasmikan Hari Penjaja di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Francais ini, apa yang dimaksudkan ialah untuk memfrancaiskan barang-barang tempatan, termasuk makanan buatan tempatan. Sekarang, kita dapati, bila sebut francais, kita lebih tertumpu kepada barang-barang yang kita import, termasuklah makanan, apabila kita sebut makanan ayam goreng, kita tidak sebut ayam goreng, tetapi kita sebut Kentucky, iaitu francais dari luar.

Tetapi, Kementerian Pembangunan Usahawan, saya yakin mampu untuk menggalakkan lagi pembangunan usahawan ini, terutama sekali untuk memperbanyakkan lagi francais barang-barang tempatan. Termasuklah sekarang kita dapati dari Terengganu sendiri, didapati barangan segera seperti Mihun Liza dan lain-lain.

Jadi, apabila satu masa nanti, apabila disebut mihun segera, tidak lagi disebut mihun, tetapi disebut Liza. Seperti mana hari ini, apabila disebut mee segera, tidak lagi disebut mee segera, tetapi disebut Maggi sahaja. Jadi, pengguna, mengassociatekan, dengan izin, produk dengan jenama. Inilah yang kita harap supaya kementerian ini dapat berusaha.

Promosi juga, kita harap supaya berterusan seperti mana dalam hal ini, promoternya patut kita pilih dengan bijaksana seperti mana Proton sendiri memilih promoter yang cukup bijak iaitu promoternya sendiri ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apabila pengguna melihat Perdana Menteri memandu Proton dan pengguna sendiri terasa apabila memandu Proton, dia seolah-olah Perdana Menteri.

Begitu juga dalam motosikal nasional nanti yang dijadualkan akan dipamerkan pada Hari Kebangsaan tahun hadapan. Saya percaya akan mendapat pasaran yang memuaskan memandangkan tokoh yang terlibat dalam mempromosikannya ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Tuan Pengerusi, dalam membangunkan usahawan terutama sekali usahawan bumiputera, pagi tadi saya lihat dalam rancangan TV, bahawa Selangor akan menganjurkan, dengan izin, satu trade fair bumiputera yang akan diadakan mulai esok, kalau tidak silap saya. Perkara ini merupakan satu perkara yang begitu penting yang patut dianjurkan oleh semua Kerajaan Negeri di samping Kementerian Pembangunan Usahawan menjadi penggerak utama. Dalam usaha ini saya percaya kita tidak boleh lari usaha sama antara bumiputera dan bukan bumiputera. Dalam konteks lama kita sebut Ali Baba. Pendekatan Ali Baba ini saya rasa patut juga kita teruskan tetapi dengan pendekatan yang baru di mana Ali juga patut pakai "cermin mata putih", Baba pun pakai "cermin mata putih". Pada masa yang lepas, kita dapati Ali memakai "cermin mata hitam" dan Ali patut banyak belajar daripada Baba. Sebab ada pepatah Cina mengatakan bahawa dalam perniagaan ini, saya baca dalam bahasa Inggeris, dengan izin, Tuan Pengerusi. "A man with an ugly face shouldn't open a business shop". Ini kata pepatah Cina tetapi saya sebut dalam bahasa Inggeris. Saya bimbang kalau saya sebut dalam bahasa Mandarin nanti Tuan Pengerusi sendiri pun tidak faham.

Jadi, maksud "ugly face" di sini, Tuan Pengerusi, ialah kita mesti sentiasa bermuka manis dalam menjalankan perniagaan. Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Kewangan bersetuju dengan saya barangkali, dia senyum. Dan juga apabila berkongsi antara bukan bumiputera dan bumiputera, ada juga pepatah Cina menyatakan, "Apabila kita berkongsi, rakan kongsi kita janganlah menjadi seorang yang yesman throughout the time", dengan izin. Kalau menjadi "yesman throughout the time", alamatnya perniagaan itu akan bankrap. Jadi, sebab itulah dalam rakan kongsi ini kita saling perlu memerlu, macam kita kongsi rumah tangga. Di dalam rumah tangga, pasangannya lelaki dan wanita. Tidak ada pasangan rumah tangga pasangannya

lelaki dengan lelaki. Sebab lelaki perlukan wanita, wanita perlukan lelaki. Begitu juga dalam kongsi perniagaan ini; kalau yang satu mempunyai pengetahuan teknikal, satu lagi ada modal, kongsi dua-dua itu sekali. Inilah perkara yang penting dalam menggalakkan pertumbuhan usahawan ini.

Dalam usahawan franchise juga, saya dapati peruntukan cuma tidak sampai RM1 juta—RM900 ribu. Di mana kalau ikutkan dari segi ukur kerja yang kena dibuat dalam pembangunan usahawan dan juga franchise ini cukup banyak dan tenaga masih lagi pada angka yang sama—14 jawatan. Jadi, yang nampak menanggung beban yang berat ialah Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri nanti. Dalam pembangunan usahawan ini, kita harap supaya MARA bukan sumber untuk mendapatkan modal. Kita harap kementerian berkenaan membawa usahawan-usahawan ini ke institusi kewangan supaya usahawan ini akan lebih bertanggungjawab di atas usahanya. Kalau bergantung kepada MARA dan MARA sendiri pun saya dapati masih tidak mampu untuk memungut hutang. Dari segi pinjaman pelajaran pun lebih daripada RM700 juta yang masih terkumpul hutangnya. Jadi, kalau MARA tempat tumpuan untuk mengumpul modal, bererti seolah-olah usahawan kita berniaga duit bapa mertua. Berniaga duit bapa mertua ini, Tuan Pengerusi, tidak begitu bermasalah sangat kerana bayar pun tidak apa, tidak bayar pun tidak apa. Kalau kita belanja duit bapa mertua, bapa mertua minta, setengah kata, “Bapa mertua marah, marah pun tidak apa, anak pun dia beri, takkan modal tidak beri”.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Maharuddin): Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Pengerusi, ada sedikit lagi. Untuk menggulung, walau bagaimanapun, pembangunan usahawan ini cukup penting kerana John Cotton berpesan, dia kata, “Business civilises the world. Ties people

together with bond of mutual profits. Discovers and rewards talent. Awards prizes to genius, gives to industrious and fair dealing a sure reward”. Jadi, ini cukup pentinglah dalam rakan kongsi dan sebagainya dan akhir sekali, “In the end, all business operators can be reduced to three words—“People, Product and Profit”. People comes first”. Ini kata Lee Iacocca.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Maharuddin): Tanjung Karang.

3.45 ptg.

Tuan Noh bin Omar (Tanjung Karang): Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan pada petang ini.

Saya ingin menyentuh Butiran 00601, 00604, dan 00602 mengenai Majlis Amanah Rakyat, Biasiswa dan MRSM. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada MARA kerana telah berjaya memainkan peranan yang penting untuk melahirkan ramai ahli-ahli cerdik pandai daripada kaum bumiputera dan juga telah menaja ramai pelajar sehingga pada hari ini kita lihat dengan adanya usaha MARA ini, maka telah lahir ramai golongan profesional di kalangan bumiputera.

Begitu juga di bahagian kemahiran, kita lihat peningkatan yang telah dimainkan oleh Bahagian Kemahiran MARA daripada taraf Institut Kemahiran MARA sehingga pada hari ini mereka telah berjaya mengunjurkan satu twinning program di bidang kemahiran dengan universiti daripada Jerman, Perancis dan juga United Kingdom. Walau bagaimanapun, usaha-usaha yang dibuat oleh MARA pada hari ini masih tidak mencukupi kerana negara kita menjelang tahun 2000, kita masih memerlukan ramai

lagi ahli-ahli profesional, yang mana kita memerlukan 320,000 jurutera, kita juga memerlukan 16,000 doktor, kita juga akan memerlukan 76,000 guru sains dan matematik serta kita juga memerlukan tiap-tiap 1,000 orang memerlukan seorang pegawai penyelidik. Di samping itu, negara kita juga sedang menuju ke arah pengkorporatan universiti dan juga menggalakkan institusi pengajian tinggi secara swasta.

Memandangkan cabaran-cabaran di masa hadapan ini, saya merasa hairan juga mengapa pada kali ini di bawah Butiran 00601—Biasiswa-tidak ada sebarang peruntukan yang diuntukkan di bawah Butiran ini. Adakah kerajaan berpendapat bahawa MARA pada hari ini sudah tidak perlu lagi mengeluarkan biasiswa ataupun menaja pelajar-pelajar untuk melahirkan lebih ramai lagi golongan-golongan profesional? Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya peruntukan di bawah Butiran 00601 ini kalau boleh dipertimbangkan, ditambah lagi supaya kita dapat memainkan peranan di mana MARA merupakan tempat ataupun satu badan yang sepatutnya terus membela nasib bumiputera dan juga melahirkan golongan-golongan profesional di kalangan bumiputera.

Yang kedua, saya ingin menyentuh Butiran 00604—Institut Kemahiran MARA. Tuan Pengerusi, di dalam akhbar tempatan pada 7hb Oktober, 1995 telah menyatakan kerajaan meluluskan 69 buah sekolah menengah vokasional dinaikkan taraf kepada sekolah menengah teknik secara berperingkat mulai sesi persekolahan 1995/96. Dengan perubahan ini, bilangan pelajar aliran teknikal meningkat daripada 5,400 orang kepada 92,640 orang pada tahun 2000 dan bagi aliran kejuruteraan daripada 2,700 orang kepada 43,680 orang. Pelajar perlu mempunyai kekuatan dalam mata pelajaran sains dan matematik untuk memasuki bidang ini.

Saya ingin jelaskan bahawa daripada keratan yang saya baca tadi, menunjukkan seandainya seseorang pelajar ingin melanjutkan pelajaran mereka di dalam bidang teknik, mereka ini atau pelajar ini mestilah mempunyai kekuatannya dalam mata pelajaran sains dan matematik. Dengan kata lain, sudah tentulah pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang baik sahaja akan layak memasuki sekolah menengah teknik ini. Soalnya, apakah nasib kepada pelajar-pelajar yang terumbang-ambing, pelajar-pelajar yang tidak mendapat keputusan yang baik, pelajar-pelajar yang tidak dapat memenuhi syarat-syarat untuk memasuki sekolah-sekolah teknik ini dan juga pelajar-pelajar yang tidak bijak di dalam bidang akademik tetapi mereka ini mempunyai bidang kemahiran dan juga skil yang baik?

Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya peningkatan daripada sekolah vokasional ke sekolah teknik ini sepatutnya diambil alih oleh Institut Kemahiran MARA. Ini amat penting, kerana pelajar-pelajar yang tidak mendapat keputusan yang baik, kita tidak mahu mereka ini akan menjadi pekerja-pekerja di peringkat bawahan tanpa kemahiran. Oleh itu kemahiran pekerja-pekerja yang mahir patut kita lahirkan lebih banyak lagi dan kita harap dengan adanya pekerja-pekerja yang mahir ini, maka kita tidak akan menghadapi masalah untuk menuju ke sebuah negara industri menjelang tahun 2020. Oleh itu peranan sekolah vokasional ini mesti dikembalikan seperti asal-usul sekolah ini ditubuhkan, di mana kalau kita ingat sekolah menengah vokasional ini kita tubuhkan adalah untuk menampung kepada pelajar-pelajar yang kurang baik dalam bidang akademik.

Saya masih ingat di waktu tahun 70-an dahulu, kalau sebut sekolah menengah vokasional, seolah-olah sekolah ini tidak ada nilainya. Ramai pelajar yang dapat gred C ataupun kadang-kadang yang dapat gred F sahaja yang layak masuk ke sekolah menengah vokasional. Oleh kerana sekolah vokasional ini akan naik taraf kepada sekolah menengah teknik,

maka peranan sekolah menengah vokasional ini patut diambil alih oleh Institut Kemahiran MARA.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan juga bahawa peruntukan yang telah diberi sebanyak RM127 juta sudah tentu tidak mencukupi untuk IKM memainkan peranan mengambil alih dan peranan yang dimainkan oleh sekolah menengah vokasional. Kalau kita lihat juga dalam Butiran 00603—Institut Kemahiran Belanja Mengurus (Elaun Pelatih), langsung tidak ada peruntukan.

Kita khuatir seandainya pihak MARA ini khasnya IKM kekurangan wang untuk melatih dan membimbing pelajar-pelajar yang terumbang-ambing ini, maka hasrat kita untuk melihat lebih ramai pelajar kita di dalam bidang kemahiran teknikal sukar untuk kita capai.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 00600—Majlis Amanah Rakyat. Sebelum itu saya ingin memetik ucapan ataupun keratan akhbar pada hari ini di muka satu akhbar *Berita Harian* yang berbunyi:

“Dr. Mahathir Mohamad mahu perkhidmatan awam mengkaji kemungkinan meminda, membatalkan atau menokok-tambah undang-undang dan peraturannya sekarang bagi meningkatkan lagi kelicinan pentadbiran jabatan kerajaan.”

Menurut Perdana Menteri langkah itu perlu kerana sebahagian daripada banyak undang-undang dan peraturan yang diluluskan oleh kerajaan mungkin sudah lapuk serta tidak lagi sesuai dengan keperluan semasa.

Tuan Pengerusi, saya rasa harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini seharusnya juga ditujukan kepada MARA. Sebagai bekas pegawai MARA, saya lihat masih banyak kelemahan pentadbiran di dalam MARA. Semasa saya bertugas sebagai pegawai undang-undang MARA, sebagai pegawai kadang-kadang kita hendak mendapatkan

keputusan dari pihak-pihak tertentu mengambil masa 3 bulan baru kita tahu sama ada cadangan kita ini diluluskan ataupun tidak.

Setelah menjadi Ahli Parlimen, ada dua-tiga projek pembangunan yang berkaitan dengan MARA yang berada dalam kawasan Parlimen saya. Urusan tersebut saya telah uruskan lebih daripada 5 atau 6 bulan. Sebaik sahaja saya menjadi Ahli Parlimen perjuangan pertama saya ialah untuk mewujudkan Pusat Giat MARA dalam kawasan Parlimen saya dan juga ada sebuah bangunan MARA yang dibina di dalam kawasan Parlimen saya, yang sudah 2 tahun siap, tetapi belum digunakan.

Begitu juga dengan beberapa projek lain, apabila kita berurusan dengan MARA masa yang kita ambil begitu lama, kadang-kadang sampai 4-5 bulan. Contoh yang paling senang apabila pihak kontraktor ingin membuat pinjaman kontrak yang mana pihak kontraktor ini telah mendapat indent untuk membuat pinjaman kontrak daripada MARA, mereka terpaksa mengambil masa hampir kadang-kadang 1 1/2 bulan. Apabila projek sudah siap, duit kadang-kadang belum dapat lagi, ini kerana prosesnya terlalu banyak. Jadi, saya ingin mengambil contoh walaupun pada hari ini MARA telah menambah bilangan pegawai MARA daerahnya daripada 2 kepada 3 orang. Suka saya memaklumkan rancangan ini telah dirancang sejak tahun 1989 hanya baru dapat dilaksanakan pada hujung tahun 1995, hampir 5 tahun, hendak tambah satu pegawai. Tetapi apabila

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup.

Tuan Noh bin Omar: perbincangan dibuat di peringkat daerah, kita lihat bahawa PNB ini tidak ada kuasa, pinjaman RM20,000 yang dikemukakan oleh pihak kontraktor terpaksa dirujuk kepada pihak negeri. Kalau pinjaman itu lebih daripada RM20,000 PNB terpaksa

rujuk kepada negeri, negeri terpaksa rujuk kepada ibu pejabat, sudah tentu banyak red-tapenya, banyak peraturannya. Maka saya ingin mencadangkan supaya pegawai-pegawai MARA daerah yang hari ini telah bertambah sepatutnya diberi kuasa lebih seperti pegawai-pegawai institusi kewangan. Kalau pinjaman RM20,000; RM30,000 manager di peringkat daerah, di peringkat cawangan sahaja boleh luluskan, tidak rujuk kepada pihak atas demi untuk membantu kontraktor-kontraktor bumiputera. Kalau ini tidak dapat kita atasi, kerana saya ada 2-3 kes, disebabkan MARA lambat memberi duit, maka projek yang mereka buat tergendala. Seandainya perkara ini tidak dapat diatasi, kita khuatir kontraktor-kontraktor kelas F yang membuat kerja RM20,000 atau RM30,000 ini tidak akan terbela.

Yang kedua, saya juga ingin mencadangkan bahawa Akta MARA 1966 yang telah lama diwujudkan seharusnya pada hari ini telah sampai masanya dikaji semula supaya tujuan dan matlamat MARA ini ditubuh supaya dapat menepati sasaran dan juga kehendak semasa pada hari ini, sesuai kita menuju Wawasan 2020, kerana pada hari ini bukan lagi kita hendak membicarakan orang-orang bumiputera hendak berniaga di kedai runcit-kalau dahulu saya percaya, MARA membantu RM2,000 kepada pekedai-pekedai runcit, tetapi hari ini.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup, masa sudah sampai.

Tuan Noh bin Omar:.....ya, saya hendak gulung. Tetapi pada hari ini kita lihat ramai usahawan Melayu ingin berniaga ke peringkat eksport dan import.

Yang akhir sekali, saya ingin mencadangkan supaya pembahagian kuasa (delegation of power) daripada pihak ketua pengarah kepada pengarah-pengarah bahagian, kepada pegawai MARA negeri dan pegawai MARA daerah mestilah jelas supaya tidak ada overlapping, supaya memudahkan pegawai-pegawai ini

menjalankan kerja-kerja. Saya percaya kalau perkara ini dapat dikaji semula, maka MARA akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam membela nasib bumiputera. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jelebu, selepas ini kementerian menjawab.

3.58 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan di atas Maksud B.50 dan P.50—Kementerian Pembangunan Usahawan, di mana saya ingin membahaskan Butiran 020000—Pelesenan, Program 020100; 020200 dan 020300 secara serentak.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Pembangunan Usahawan khususnya Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) kerana dalam usaha untuk mengemaskan lagi sistem pengangkutan perkhidmatan awam dan juga pengangkutan barang-barang di negara kita telah melantik konsultan bagi mengkaji perjalanan LPKP dan sebagainya serta juga mengkaji bidang kuasa ataupun kaedah pemberian permit dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi masih perlu dilihat bahawa kekurangan-kekurangan yang perlu diatasi haruslah diambil langkah yang sesuai, misalnya mengenai pemberian permit pengangkutan awam ataupun pemberian permit-permit pengangkutan barang-barang yang sekian lama kita ketahui bahawa permasalahan ini masih berterusan. Apa yang kita dapati Tuan Pengerusi, masih lagi terdapat pihak-pihak yang kecewa dengan permohonan-permohonan yang telah dikemukakan beberapa kali namun jawapan kadang-kadang ada, kadang-kadang tidak ada. Walau bagaimanapun, dengan sistem yang dibuat oleh LPKP di dalam keadaan sekarang di mana telah membuka beberapa pejabat zon di Pantai Timur, Utara dan

Selatan tanah air telah sedikit-sebanyak memberikan bantuan untuk membendung rasa kecewa pemohon-pemohon berkenaan.

Walau bagaimanapun, selaku wakil rakyat sentiasa didatangi oleh masyarakat yang sedemikian yang memerlukan pertolongan dan bantuan. Setakat hari ini belum lagi saya panjangkan apa-apa sokongan, tetapi saya ingat selepas ini saya akan berjumpa Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk membawa sedikit sebanyak permohonan.

Tuan Pengerusi, apa yang ingin saya bangkitkan ialah tentang kesamarataan untuk mendapatkan peluang mendapatkan permit. Kita dapati banyak peniaga-peniaga yang berkemampuan yang benar-benar berniaga dalam usaha untuk mempertingkatkan ekonomi negara, misal kata dalam bidang pengangkutan. Mereka ini kebanyakan menyewa permit-permit daripada pemilik-pemilik yang telah mendapati namun berkali-kali mereka memohon tidak juga dapat. Jadi, ini perlu kita lihat bahawa kesesuaian dan kemeritannya mereka ini diberikan permit haruslah dipertimbangkan. Saya difahamkan masih terdapat kuota di dalam sistem pemberian permit. Walau bagaimanapun, kuota pun kuotalah, beri jugalah. Kalau 7:2:1 kuota itu haruslah dilaksanakan 7:2:1.

Tuan Pengerusi, apa yang kita rasakan ialah tentang Berat Dengan Muatan bagi sesuatu permit yang dikeluarkan oleh lembaga ini terlalu tinggi/berat sampai 42,000 kilogram Berat Dengan Muatan. Kita tahu bahawa ketahanan jalan kita tidaklah sedemikian kemampuannya. Misal kata, contohnya, Lebuhraya Karak ketahanan dan kemampuan lebuhraya itu hanya 24,000 kilogram tetapi muatan atau kenderaan yang bergerak di atasnya melebihi 48,000 kilogram. Ini harus kita kaji dan yang peliknya, permit ini dikeluarkan bagi kelas A. Maknanya di merata ceruk dan rantau boleh dimasuki. Umpamanya, di Jalan Raub-Bentong itu mengikut pengalaman saya dan juga Jalan

Karak-Durian Tipus, jalan itu kemampuannya hanya 8 tan ataupun 12 tan, walaupun disebutkan di dalam permit itu tidak boleh melalui Jalan Karak-Manchis-Durian Tipus dan sebagainya, tetapi mana mereka peduli. Jadi, inilah yang saya katakan, kalau lori permit 'A' boleh pergi merata-rata. Kalau ia pergi masuk ikut Jalan Karak-Manchis ataupun Teriang-Bahau maka ini menyebabkan kerosakan jalan. Saya ingat eloklah kita kaji bahawa adalah dihadkan jalan-jalan yang tertentu supaya lori-lori ini dapat bergerak mengikut kawasan-kawasan yang dibenarkan.

Tuan Pengerusi, selanjutnya mengenai dengan bas-bas persiaran, bas ekspres, bas berhenti-henti dan sebagainya. Saya melalui pengalaman yang lalu mendapati bahawa pemberian permit kepada syarikat-syarikat ini memang tidak begitu bersesuaian. Kadang-kadang laluan daripada Kota Bharu ke Kuala Lumpur itu sampai 10 ke-15 buah bas yang telah diluluskan kepada satu-satu syarikat. Kalau tidak silap saya, di antara Kuala Lumpur ke Kota Bharu sahaja ada 5 ataupun 6 syarikat yang diluluskan perkhidmatan mengikut laluan yang sama. Jadi, kita perlu kaji perkara ini kerana kita tidak mahu banyak syarikat yang mengalami pemasalahan kemungkinan kerugian dan sebagainya. Untuk kita mempertimbangkan sebuah syarikat itu dengan kelulusan permit yang berkenaan haruslah dikaji semula. Ini adalah merupakan rintihan daripada syarikat-syarikat yang telah mendapat permit yang dipohon beberapa tahun yang lalu.

(Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Mengenai pemberian ataupun pemerosesan borang, kalau tidak silap saya di Tingkat 7, Bangunan MARA, mengikut pengalaman saya, untuk hendak mendapatkan borang permohonan memakan masa 45 minit. Itu pengalaman saya sendiri sebelum saya menjadi wakil rakyat. Saya tolong belikan borang orang.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Sila gulung.

Tuan Yunus bin Rahmat: Satu minit lagi, Tuan Pengerusi. Jadi, kalau boleh kaunter pemeroses itu diasingkan dengan kaunter penjualan borang. Ini orang yang sama memproses penerimaan borang dan orang yang sama juga yang menjual borang berkenaan. Jadi, saya ingat perkara ini harus diambil kira supaya orang-orang yang datang dari Raub, Bentong, dan Jelevu kadang-kadang itu.....

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Boleh gulung, Yang Berhormat kerana Menteri hendak menjawab.

Tuan Yunus bin Rahmat: Saya gulung, Tuan Pengerusi.

Akan lebih mudah lagi. Jadi, saya mintalah supaya perkara ini diambil kira dan dengan itu walaupun banyak perkara yang hendak saya sentuh, Tuan Pengerusi, saya berterima kasih dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.07 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Tuan Idris bin Jusoh): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada keenam-enam Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan pada petang semalam dan juga pada petang ini. Nampaknya tidak mudah juga tokoh-tokoh kita di Parlimen ini yang boleh menjadi usahawan, yang bercakap tentang pengurusan kewangan, yang tahu tentang detail akaun tungg-rugi, yang bercakap tentang pemasaran, yang tahu tentang perbezaan antara 'Panadol', 'Dusil' dan 'Aspro' dan yang tidak kurang juga tadi yang bercakap tentang delegation of power, pasal

personnel dan juga sebelum itu saya hendak mengucapkan tahniah kepada Tuan Pengerusi yang baru mengambil tempat di atas sana. *(Tepuk)*

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Untuk satu jam sahaja. *(Ketawa)*

Tuan Idris bin Jusoh: Untuk soalan daripada Yang Berhormat dari Rompin, saya ingin menyatakan bahawa tidak ada kuota di dalam pemberian lesen PKK. Kita menggunakan free market approach, dengan izin, di mana semua syarikat yang memenuhi syarat terutamanya dari segi teknikal, sama ada kakitangan dan juga pengalaman serta syarat-syarat kewangan. Mereka yang dapat memenuhi syarat-syarat ini akan dibekalkan dengan lesen-lesen PKK. Sama juga dengan LPKP, kita menggunakan 'floods the market approach' untuk lesen-lesen yang dipohonkan tetapi mereka perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kementerian.

Berhubung dengan institut latihan usahawan yang juga dicadangkan, ianya dalam peringkat pelaksanaan oleh kementerian. Pada masa ini untuk menyelaraskan kerja-kerja pembangunan usahawan, kementerian telah menubuhkan tiga jawatankuasa. Pertama, Majlis Pembangunan Usahawan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri di mana ahli-ahlinya adalah Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen Kementerian-kementerian yang bersangkutan. Keduanya, Jawatankuasa Pembangunan Usahawan di antara Persekutuan dan Negeri-negeri di mana semua negeri diminta untuk mengambil bahagian; dan ketiganya, Jawatankuasa Kerja Pembangunan Usahawan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan ahli-ahlinya terdiri daripada TKSU Kementerian-kementerian yang bersangkutan.

Untuk soalan daripada Yang Berhormat dari Tambun berkenaan dengan masalah 'Ali Baba,' masalah lama ini, di LPKP, kita akan menguatkan Unit Penguatkuasaan kita, di mana sekarang kita telah dipinjamkan tujuh orang pegawai penguatkuasaan daripada JPJ untuk menjalankan kerja-kerja kita.

Berkenaan dengan MARA, sebenarnya laporan yang telah dikemukakan oleh MARA sudah sampai ke tahun 1993. Yang Berhormat dari Tambun hanya mengatakan MARA hanya menghantar Laporan Tahunan 1992. Sebenarnya Laporan Tahunan 1993 telah lama siap, dan Laporan Tahunan 1994 dalam proses untuk dibawa ke mesyuarat Kabinet.

Masalah pengurusan pinjaman tidak cekap dan sebagainya, pihak MARA telah menubuhkan Bahagian Kawalan Kredit untuk menyelaraskan kerja-kerja kawalan kredit di MARA.

Untuk menjawab soalan tentang ladang MARA di Setiawan, sukacita saya memberitahu bahawa kerugian yang berlaku pada tahun 1992 ialah kerugian terkumpul, 'cummulated lost,' yang mana ia terjadi disebabkan oleh kerugian-kerugian projek ubi kayu yang dilaksanakan sebelumnya. Jadi, syarikat terpaksa menanggung kos pembangunan, walaupun pada tahun itu ada keuntungan sebanyak RM3,968,252. Tetapi pada tahun yang berikutnya, pada tahun 1994, ladang MARA Setiawan telah mendapat keuntungan RM12,672,284 dan seterusnya untung terkumpul ialah RM6,166,631.

Berkenaan bangunan-bangunan MARA, arked, rumah kedai, bazar dan juga gerai, dengan peruntukan dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan memang kementerian memandang serius, memandang baik tentang pandangan-pandangan yang telah dibuat, dan insya-Allah di masa-masa akan datang kita akan pergi ke arah pasar raya sebagaimana yang telah dicadangkan itu.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah bertanya tentang teksi-teksi di Kuala Lumpur. Sebenarnya memang benar, teksi memang di bawah kementerian. Semalam ada sedikit kesilapan saya ingat.

Dr. Lee Chong Meng: (*Bangun*)

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun, dia hendak apa?

Tuan Idris bin Jusoh: Bolehlah.

Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya hendak buat penjelasan. Masalah teksi di Kuala Lumpur sangat banyak. Tentang kadar tambang teksi kini, pemandu teksi akan dapat hanya 10 sen kenaikan meternya setiap 90 second. Jadi, harga ini bermakna bahawa.....

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Yang Berhormat dari Bukit Bintang hendak jawabkah atau hendak bertanya?

Dr. Lee Chong Meng: Saya hendak buat penjelasan, kerana saya hendak minta kenaikan tambang teksi bagi pihak persatuan-persatuan, untuk menyelesaikan kesesakan teksi pada masa pukul 4.00 sampai pukul 5.00. Mengikut tambang pada masa ini, meter bermula RM1.50 untuk dua kilometer, dan kenaikan 10 sen setiap 200 meter, dan caj untuk menunggu hanya 10 sen setiap 90 second. Untuk menyelesaikan masalah-masalah teksi di Kuala Lumpur, saya bagi pihak persatuan mencadangkan bahawa tambang meter yang baru adalah seperti berikut.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Yang Berhormat mintalah, apa hendak, minta. Tak usahlah panjang sangat.

Dr. Lee Chong Meng: Okay, meter bermula dari RM2.00 untuk dua kilometer, dan kenaikan 10 sen setiap 150 kilometer, dan masa tunggu dikurangkan daripada 90 second kepada 30 second untuk

10 sen. Saya yakin kalau ini boleh diselesaikan, jadi masalah teksi akan diselesaikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Idris bin Jusoh: Terima kasih, Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Saya kasihan juga kepada dia kerana semalam Tuan Pengerusi memberhentikan dia daripada berucap. Jadi, kita berilah dia peluang untuk menyambung ucapan dia semalam yang tidak dapat dihabiskan. Memang di kementerian kita juga faham tentang keadaan masalah masa sibuk, peak hour antara pukul 4.00 hingga 5.00 petang, dan juga 8.00 hingga pukul 10.00 pagi. Oleh itu, kementerian juga telah mengambil keputusan untuk menyelaraskan tambang mengikut tempoh masa dan jarak jauh, ataupun menyelaraskan 'time rated' dan 'distance rated,' dengan izin, Tuan Pengerusi.

Berkenaan dengan UDA, sepertimana yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (Bangun)

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Yang Berhormat, ada orang bangun pula. Ini dari.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Pokok Sena, Tuan Pengerusi. Sebelum saya bercakap, saya ingin tahu, mana tahu adakah sebenar yang duduk di tempat itu sahabat saya ataupun mata saya kelabu. (Ketawa)

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Sahabat baik Yang Berhormat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ucap tahniah. Berhubung dengan teksi tadi, saya telah bercakap pada penggal yang sudah lagi, berhubung dengan ada teksi, ianya ada satu permit tetapi ada dua teksi, satu teksi di Kuala Lumpur permit yang

sama, dan satu di Petaling Jaya. Ada satu kes dahulu, tetapi kementerian telah mengaku untuk menyasat perkara ini. Jadi, saya minta mungkin Timbalan Menteri dapat memberi keputusan siasatan itu.

Yang keduanya, berhubung dengan teksi juga. Saya rajin naik teksi sebab tidak ada kereta di Kuala Lumpur. Jadi, selalunya didapati drebar-drebar teksi banyak yang selalu bercakap tidak berapa menyokong kerajaan. Bila saya ditanya, barangkali kebanyakannya pemandu-pemandu teksi ini terdiri daripada orang yang frustrated, yang memohon teksi, tetapi tidak dapat. Berpuluh-puluh tahun bawa teksi orang, dan yang mendapat teksi orang yang selalu dikatakan tidak sesuai, yang tidak patut dapat teksi tetapi dapat juga permit teksi. Jadi, perkara-perkara ini yang membuat drebar-drebar teksi kita selalu frustrated. Jadi, ini memberi gambaran yang buruk, sebab bila orang lain naik teksi, misalnya pelancong-pelancong kita apabila naik teksi bila berbual dengan pemandu-pemandu teksi, mereka akan mengutuk kerajaan. Jadi, saya harap adakah perkara ini telah disiasat ataupun diambil perhatian. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Panjang.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pemandu yang frust, sebenarnya memang ada dalam pengetahuan kita. Kita sudah menyelidiki kes-kes ini, dan insya-Allah pada bulan Januari 1996 kita akan mengemukakan dasar pengangkutan awam. Kita akan umumkan merangkumi semua aspek yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pokok Sena tadi.

Berbalik kepada persoalan tentang tanah bangunan-bangunan yang telah diambil oleh UDA di Jalan Sultan, Jalan Bandar dan Jalan H.S. Lee. Sebenarnya, tujuan pengambilan itu ialah untuk membangunkan semula dan menyusunkan

semula kawasan-kawasan tersebut. Ada kawasan-kawasan yang telah dibangunkan dan sedang dibangunkan. Kawasan-kawasan yang belum dibangunkan lagi akan dibangunkan kerana kawasan-kawasan yang berhampiran dengan kawasan tersebut ada tanah-tanah kerajaan, dan UDA masih menunggu proses penyerahan tanah kerajaan di persekitaran tanah tersebut. Bukan semuanya kedai-kedai dan bangunan di situ kepunyaan kerajaan dan masih ada lagi bangunan-bangunan kepunyaan perseorangan di kawasan tersebut.

Berbalik kepada pertanyaan-pertanyaan Yang Berhormat dari Kangar tadi, berkenaan dengan tabung-tabung pinjaman dan masalah modal kepada pengusaha-pengusaha dan usahawan-usahawan bumiputera. Sebab itu telah saya katakan yang ada banyak skim pinjaman yang telah dikemukakan oleh kerajaan yang telah saya katakan dahulu, di antaranya pinjaman penjaja kecil yang kurang daripada RM10,000 pinjamannya yang tidak mengenakan apa-apa cagaran, tidak memerlukan introducer, dengan izin, dan juga tidak mengenakan apa-apa faedah sekalipun. Dan insya-Allah kita akan melancarkan satu lagi skim— Skim Bantuan Usahawan Kecil, yang mana RM400 juta telah diluluskan baru-baru ini dalam Budget Speech baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang akan memberi bantuan kurang daripada RM50,000 kepada peniaga-peniaga kecil.

Berkenaan dengan Murtabak Pak Din ini, sebenarnya pihak kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk memperkembangkan lagi dan mempertingkatkan lagi murtabak ini. Saya sendiri telah pergi melawat kawasan Murtabak Pak Din ini dan sehingga kini kita dapati Pak Din masih mempunyai 12 franchisee ataupun outlet-outlet di kawasan Kuala Lumpur dan satu di Melaka. Di samping itu, bukan hanya Murtabak Pak Din, kita juga sedang mengambil langkah, selaras dengan seruan daripada Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri untuk memfrancaiskan Mee Pak Abu dari Kedah dan juga Laksa Teluk Kecai. Kedua-dua ini dari Kedah, kalau ada dari Kelantan, Yang Berhormat hendak cadang, insya-Allah, kita boleh ambil kira.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Parit Sulong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi kawan baik saya. Saya hendak tanya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak francais Mee Baidali dari Johor Bahru. Terima kasih. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri suka sangat makanan ini.

Tuan Idris bin Jusoh: Mee apa, Mee Banggali? Mandali?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, dengan izin, Mee Baidali.

Tuan Idris bin Jusoh: Baidali?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Ya, bukan Banggali. Nanti Karpal Singh marah. Minta maaf Yang Berhormat dari....(*Ketawa*) minta maaf, minta maaf.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Tidak apa, Ahli dari Jelutong tidak marah, dia good mood hari ini. (*Ketawa*) Good lawyer.

Tuan Idris bin Jusoh: Kita boleh mengambil kira saranan Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi, tetapi kita perlu membuat viability study, dengan izin, jika ianya didapati tidak mempunyai bahan-bahan kimia boleh merosakkan perut kita, insya-Allah, kita akan mempertimbangkan Mee Baidali tadi.

Berhubung dengan kerjasama di antara bumi dan bukan bumiputera, memang ini menjadi satu program di kementerian

di mana sebagaimana yang telah dimaklumkan bahawa pada 18hb. Ini satu memorandum persefahaman akan ditandatangani di antara Dewan Perniagaan Cina dan Dewan Perniagaan Melayu yang akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri pada 18hb. ini di Dewan Bandaraya.

Dan untuk MARA tadi, yang saya telah katakan MARA telah mengadakan Bahagian Kawalan Kredit supaya semua kredit yang telah diberikan oleh MARA itu akan dapat diselaraskan dengan baik. Kita tahu banyak lagi masalah yang kita hadapi bukan hanya di MARA tetapi juga di kementerian yang perlu kita perbaiki dari semasa ke semasa dan saya amat berbangga dengan sumbangan-sumbangan idea dan buah fikiran daripada Ahli-ahli Parlimen yang telah banyak saya gunakan untuk kebaikan bersama.

Berkenaan dengan pandangan-pandangan dan juga persoalan daripada Yang Berhormat dari Tanjong Karang, berkenaan perbelanjaan MARA, sebenarnya ada perbelanjaan MARA yang telah diperuntukkan, tetapi telah dipinda daripada perbelanjaan pembangunan kepada perbelanjaan mengurus. Jadi, tidak ada di bawah pembangunan, kalau dahulunya di bawah bahagian pembangunan sekarang telah dipinda kepada bahagian mengurus yang mana pecahan peruntukan seperti berikut:

Biasiswa	RM262 juta
Elaun Pelatih	RM32.5 juta
Mengurus	RM85 juta

Kita juga mengetahui yang adanya kelemahan pinjaman kontraktor yang ada pada MARA. Baru-baru ini MARA telah mengadakan satu pendekatan baru untuk pinjaman kepada kontraktor-kontraktor di mana kita mewujudkan sistem blanket cover ataupun revolving funds sebanyak RM100,000 kepada kontraktor-kontraktor yang mana mereka boleh menggunakan

kemudahan tersebut apabila mereka perlu. Dan tentang delegation of power, dengan izin, itu akan dikaji oleh kementerian untuk kebaikan kementerian keseluruhannya.

Untuk jawapan daripada Yang Berhormat Jelevu, kita faham tentang kelemahan-kelemahan yang wujud di LPKP sekarang dan insya-Allah, pada tahun hadapan ini kita akan pergi kepada full computerisation di mana kita harap LPKP akan computerise keseluruhannya di mana masalah-masalah yang timbul sebelum pada ini tidak akan timbul lagi. Saya ingin minta maaf kepada Yang Berhormat kerana dahulu kalau Yang Berhormat terpaksa menunggu selama 45 minit di kaunter LPKP, saya 50 minit Yang Berhormat, 5 minit lebih daripada Yang Berhormat di kaunter....

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Yang Berhormat, Ahli dari Tanjong Karang bangun. Sengaja bangun ke, hendak tanya apa-apa?

Tuan Noh bin Omar: Hendak minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Ingatkan hendak keluar tadi. (*Ketawa*)

Tuan Noh bin Omar: Mengenai MARA balik. Saya ingin minta penjelasan. Adakah MARA juga bercadang akan meminda atau mengkaji semula Akta MARA?

Tuan Idris bin Jusoh: Pada masa ini, belum ada lagi cadangan, tetapi cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu akan kita ambil kira.

Tentang pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik ini, saya ingin menyatakan bahawa MARA ada Program Giat MARA, Tanjong Karang tidak habis lagi tadi, dia tanya, terlupa hendak cakap satu lagi. Giat MARA, kita ada peruntukan jika

diluluskan sebanyak RM57 juta dan saya jangka pada tahun hadapan ini semua bahagian, semua kawasan Parlimen akan mempunyai satu Giat MARA, insya-Allah.

Masalah-masalah LPKP yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelebu tadi, kita tahu dan apabila kita selidiki, di samping masalah kita yang tidak fully computerise, kita dapati banyak borang-borang yang dihantar itu tidak lengkap. Ini terjadi kerana kadangkala borang itu diisi oleh orang-orang tengah dan untuk mengatasi masalah ini kita mengadakan counter service. Mereka yang ingin menghantar borang, bolehlah menyemak borang-borang mereka di kaunter dan apabila dirasakan lengkap barulah borang itu boleh dihantar untuk mengelakkan masalah-masalah borang yang tidak lengkap.

Kadangkala alamat pun tidak betul, banyak kita menghantar surat tak sampai dan kita harap perkara ini dapat diatasi dari masa ke semasa.

Tuan Yunus bin Rahman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Yang Berhormat Timbalan Menteri, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Pengerusi, saya cuma hendak bertanya, adakah cadangan LPKP untuk menjualkan borang-borang tersebut melalui JPJ di pejabat-pejabat negeri dan juga cawangan? Kerana, Tuan Pengerusi, apa yang kita hadapi sekarang ialah permasalahannya orang-orang kampung, peniaga-peniaga hendak mendapatkan borang untuk memohon lesen baru, untuk menukar kenderaan dan untuk menukar syarat lesen dan sebagainya terpaksa datang ke Kuala Lumpur, ke Kuala Terengganu, ke Muar ataupun ke Ipoh.

Jadi, saya kira dalam keadaan sekarang ini untuk memberikan perkhidmatan yang cekap kepada masyarakat di kawasan-

kawasan luar bandar, perantaraan pejabat di zon-zon berkenaan ini, saya menjangkakan adalah lebih baik, macam dulu-dulu, walaupun borang dulu tidak dijual, tetapi sekarang ini dijual. Saya ingat eloklah diberikan kuasa menjual itu kepada JPJ, itu cadangan saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Pengerusi, pihak kementerian boleh menyambut baik cadangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat, mungkin kita boleh membuat perbincangan dengan JPJ melalui Kementerian Pengangkutan. Memang kita mengadakan, dari masa ke semasa, perjumpaan dengan Kementerian Pengangkutan yang melibatkan JPJ dan polis untuk menyelaraskan kerja-kerja yang harus diselaraskan bersama.

Berkenaan dengan berat muatan lori-lori, sebenarnya Ahli Yang Berhormat juga telah menjawab soalan yang telah Ahli Yang Berhormat katakan tadi iaitu adanya had jalan tetapi ini memerlukan lebih penguatkuasaan dan kita akan memastikan yang penguatkuasaan itu akan diperkuatkan dari masa ke semasa.

Jadi, keseluruhannya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam sidang ini dan sebagaimana yang saya telah katakan tadi, saya nampak ramai Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini memang bakal-bakal usahawan yang boleh diketengahkan. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM478,788,300 untuk Maksud B.50 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM478,788,300 untuk Maksud B.50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM410,018,070 untuk Maksud P.50 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1996 hendak diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM410,018,070 untuk Maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1996.

**Maksud B.51 (Jadual)—
Maksud P.51 (Anggaran Pembangunan, 1996)**

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Luar Negeri. Kepala Bekalan B.51 dan Kepala Pembangunan P.51 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas sekarang Jelutong. (*Ketawa*)

4.33 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Terima kasih.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Hai, kawan baik nampak!

Tuan R. Karpal Singh: Ya, kawan baik. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud Bekalan B.51 Butiran 010000 dan apa yang ada berkaitan.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini satu tuduhan ada dibuat, satu tohmahan yang tidak berasas mengenai apa yang ada diperkatakan dalam satu interview oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kepada BBC. Tohmahan yang telah dibuat itu ialah tohmahan yang tidak berasas, Tuan Pengerusi, yang dibuat oleh Menteri Belia dan Sukan. Adakah menteri ini apabila membuat tohmahan itu dan tohmahan itu dengan ringkas adalah bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng adalah 'a sign of disloyalty', bahawa beliau adalah seorang pengkhianat kerana dalam interview ini kepada BBC. Tuan Pengerusi, beliau ada mengkritik kerajaan. Beberapa ahli-ahli Barisan Nasional, menteri-menteri termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan bahawa seorang warganegara Malaysia tidak ada hak untuk mengkritik kerajaan di luar negeri. Dalam negeri boleh, tetapi luar negeri, ini 'foreign policy', oleh itu ada kaitan dengan tajuk ini. Betulkah Tuan Pengerusi, cakap 'ya'.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Ya! (*Ketawa*)

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, apa yang dikatakan 'loyalty' kepada negara di luar negara....

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Jangan kuat sangat, terkejut! (*Ketawa*)

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, saya beri satu contoh. Oleh kerana apa yang telah dinyatakan oleh menteri-menteri dalam Barisan Nasional dan konco-konconya sebagai ahli-ahli Barisan Nasional di sini, adalah satu tuduhan yang tidak berasas, apa yang telah saya nyatakan tadi. Dalam Persidangan CHOGM baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita,

ada mengkritik negara Nigeria oleh kerana lapan atau sembilan jaguh negara itu yang mempertahankan hak-hak beliau termasuk pemimpin kumpulan itu Sarowiwa ada dihukum gantung oleh satu "Kangaroo Court" di Nigeria dan hukuman gantung itu telah dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, apa yang kami baca dalam *The New Straits Times* hari ini, apabila Saro-Wiwa telah digantung, pelaksanaan gantungan itu tidak mengikut apa yang harus diikuti dan oleh kerana itu 'he died a violence death'. Berikutan 'criticism', dengan izin, beberapa Perdana Menteri Komanwel, keahlian Nigeria di dalam Komanwel telah di 'suspended'. Adakah apa-apa perbezaan jikalau sebuah negara Komanwel mengkritik kerajaan itu? Dalam fikiran saya, Tuan Pengerusi, tidak ada perbezaan jikalau seorang warganegara itu di Nigeria ada mengkritik kerajaan dia, walaupun dia bukan Perdana Menteri, jikalau seorang dari Nigeria ada di Auckland, di New Zealand memberi satu kenyataan bahawa apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Nigeria bertentangan dengan hak asasi, sembilan orang ini yang kena gantung.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan R. Karpal Singh: Baru start juga, mana boleh gulung? (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Yang Berhormat ada lagi tiga minit.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, saya beri contoh. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, apabila beliau dipecat dari UMNO dalam tahun 1969 dan ini ada dalam rekod, tidakkah beliau mengkritik kerajaan Tuanku Abdul Rahman? Itu boleh! Ini jadi satu double standard, apabila beliau menjalankan apa yang boleh dilabelkan sebagai satu 'traitor'

jikalau apa yang dikatakan oleh kerajaan, benar. Tetapi ini adalah apa yang barangkali kerajaan dalam negara kita ini 'reflect the pawn'. Apa yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ahli dari Kota Melaka.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Tidak boleh sebut nama. kata Kota Melaka.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, Kota Melaka. Apa yang telah dikatakannya bukan jadi 'what amounts to disloyalty', dia orang yang baik, orang bermoral, bukan orang seperti Rahim Tamby Chik dari Melaka juga, orang yang tidak bermoral tetapi mahu kembali kepada Pemuda UMNO sebagai ketua.

Saya memberi amaran kepada Menteri Belia dan Sukan dan saya ada meneliti perkara ini, jikalau perlu kami akan membuat satu kes ke atas dia di bawah "criminal defamation".

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Yang Berhormat ada satu minit, gulunglah.

Tuan R. Karpal Singh: Oleh kerana mahu ajar kepada Ahli-ahli Barisan Nasional termasuk menteri-menteri bahawa jangan buat tuduhan liar, tuduhan yang tidak berasas ke atas seseorang yang setia kepada negara iaitu Ahli Kota Melaka. Tidak lama lagi, ada setengah minit lagi. (*Ketawa*) Kami mengambil tindakan keras ke atas menteri ini-habis.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Parit Sulong.

4.42 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi kena beri saya kerana dia kawan saya di U.N. dahulu.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merujuk kepada Kepala Bekalan 010000-Pentadbiran Ibu Pejabat dan Perkhidmatan Sokongan. 020000-Hubungan Duahala dan Perancangan Dasar 030000, - Perhubungan Pelbagai Hala-dengan sekaligus.

Tuan Pengerusi, peranan Malaysia di arena antarabangsa hari ini telah berjaya melonjakkan martabat negara dan bangsa Malaysia di mata jagat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama dengan Kementerian Luar Negeri yang dikepalai oleh menterinya sendiri telah pun berjaya mengharumkan negara ini dengan memberi pembelaan kepada berbagai-bagai aspek, khususnya aspek hak asasi manusia. Saya amat tertarik dengan aktiviti Kementerian Luar Negeri yang berusaha menyumbang ke arah usaha menidakkan manipulasi dan monopoli isu hak asasi manusia oleh negara-negara barat di forum-forum antarabangsa. Dalam konteks ini, saya ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa baru-baru ini telah dilaporkan oleh akhbar bahawa Amerika Syarikat adalah satu-satunya negara yang kini mempunyai taraf pengamalan hak asasi manusia yang paling rendah dalam dunia dalam konteks pembelaan yang diberikan kepada umat sejagat di Bosnia-Herzegovinia dan mungkin di negara-negara yang lain.

Ini menunjukkan betapa selama ini masalah pengamalan dan taraf ataupun tuduhan yang dikenakan kepada sesetengah negara timur termasuk negara di Asia Tenggara ini kononya mempunyai tahap hak asasi yang rendah adalah satu kategori ataupun satu taraf yang boleh dimanipulasikan oleh pihak luar. Tetapi apabila sesuatu hakikat itu tidak boleh lagi ditudung, tidak boleh lagi ditutup kebenarannya, pekung tidak lagi boleh ditutup baunya, maka terbuktilah bahawa sebuah negara barat yang mendakwa menjadi juara kepada hak asasi manusia sebenarnya adalah salah satu daripada negara yang mempunyai taraf pengamalan hak asasi manusia yang rendah.

Dalam konteks ini saya mencadangkan kepada kerajaan, sama seperti suara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri di forum antarabangsa iaitu di New York baru-baru ini, supaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang didesak direformasikan mestilah direformasikan bersama dengan seluruh agensi-agensinya. Sekiranya PBB mahu direformasikan, diperbaharui ataupun distrukturkan semula, bukan PBB itu sendiri yang mestikan direformasikan, tetapi termasuklah agensi-agensinya seperti World Bank, Breton Wood, IMF Institution Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, UNCTAD dan segala-galanya. Agensi-agensi ini harus didemokrasikan segera kerana selama ini agensi-agensi ini juga adalah di bawah kongkongan dan genggaman negara-negara yang boleh mencorakkan keadilan dunia, sama ada keadilan yang sebenar-benarnya ataupun keadilan yang superficial.

Apabila kita berkata mengenai PBB, kita bukan sahaja menjurus kepada Majlis Keselamatan (Security Council) yang mempunyai anggota-anggota yang tetap. Kita juga mahu agar anggota-anggota tetap itu ditetapkan, tetapi anggota-anggota lainnya harus juga digilirkan secara adil. Dan anggota-anggota lain juga apabila memenangi kerusi itu wajar diberi hak untuk mendapat kuasa veto.

Sekarang ini apabila Bangsa-bangsa Bersatu berhadapan dengan masalah kewangan, saya mendapat tahu beberapa agensi-agensinya yang berkaitan dengan bantuan, pembelaan dan pembangunan di negara-negara Asia Timur, khususnya, mahu dihapuskan. Siapa yang harus menentukan perkara ini? Ia mesti dipastikan oleh pihak dunia seadil-adilnya.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya berharap agar pihak Kementerian Luar Negeri mengendalikan suatu usaha untuk menjemput wartawan-wartawan asing dari

seluruh pelusuk dunia datang ke Malaysia setahun sekali supaya mereka dapat melihat keadaan sebenar di negara ini. Biar mereka pastikan, benarkah negara ini yang selalu dikategorikan sebagai "The Practitioner Of The Lowest Degree Of Human Right", adalah benar ataupun palsu. Biar mereka dapat melihat dan memastikan sama ada suara-suara macam suara sahabat saya dari Kota Melaka itu benar atau palsu supaya tidak ada laporan yang mengatakan bahawa negara sedang menghadapi satu krisis kepimpinan yang amat dahsyat, walaupun suara itu hanya dikutip daripada suara-suara, dengan izin, 'political junkies'. Saya harap masalah ini diberi satu kesungguhan oleh pihak Kementerian Luar Negeri.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Yang Berhormat ada dua minit lagi, kalau hendak gulung pun bolehlah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya akan gulung, Tuan Pengerusi. Ini saya hendak cakap apa yang kawan-kawan kita pesan dari U.N. Tuan Pengerusi tidak boleh bercakap, sebab itu saya bangun.

Akhir sekali, tolonglah lihat kebajikan pegawai-pegawai kita. Pegawai-pegawai kita di mana sahaja kita pergi merupakan pegawai-pegawai Malaysian missions yang dedikasi. Mereka bekerja tidak tentu masa, kadang-kadang waktu cuti pun mereka bekerja. Macam di New York, setiap kali General Assembly akan terlanggar dengan hari Deepavali—staff yang meraikan Deepavali pun terpaksa bekerja. Ini menunjukkan elemen-elemen pengorbanan (sacrifices), elemen-elemen toleransi di kalangan pegawai-pegawai kita. Aspek pendidikan anak-anak mereka adalah aspek yang sangat dirintihkan oleh pegawai-pegawai Malaysia di luar negara.

Dalam hal ini, mereka diberi elaun yang tetap untuk menghantar anak mereka belajar di tempat mereka bertugas. Tetapi

wang itu hanya menggalakkan mereka menghantar anak-anak mereka ke public school (sekolah awam), Public school di Amerika, sekiranya di New York adalah public school yang terdedah kepada elemen masyarakat negatif, mungkin akan terdedah kepada elemen-elemen yang ganas dari anak-anak yang dari berbagai bentuk latar budaya yang tidak serasi dan secocok dengan anak-anak Malaysia.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Ada setengah minit lagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Baik, Tuan Pengerusi, saya patuh. Saya harap perkara ini harus diambil kira oleh pihak kerajaan kita.

Keduanya, apabila anak-anak mereka hendak menuntut ke sekolah menengah, sekarang ini terdapat satu dasar bahawa anak itu harus dihantar pulang ke sekolah di Malaysia. Saya difahamkan, anak-anak ini hanya diberi peluang untuk bersekolah di dua buah sekolah sahaja iaitu satu Sekolah Menengah Agama di Labu dan satu lagi sekolah di Kajang—itu saya dapat tahu, mungkin ini tidak benar. Tetapi, mengapakah tidak diterbukakan ke mana sahaja sekolah asrama penuh yang mungkin terdekat dengan keluarga. Kalau dia berasal dari Johor, sekolah yang terdekat dengan keluarga mungkin MRSM Muar ataupun Sekolah Menengah Sains Kluang, Sekolah Tun Fatimah ataupun di mana-mana sahaja yang dekat dengan keluarga untuk melihat kebajikan anak-anak tersebut.

Kalau tidak, seorang ibu dan ayah di dalam melaksanakan tugas luar negara, mereka akan terus dilatarbelakangi dengan rasa bimbang mengenai bagaimanakah anak yang baru melangkah ke Tingkatan Satu dengan sebatang kara, tidak ada orang yang melihat kebajikannya. Perkara ini saya rasa, harus diberi keadilan sewajarnya.

Saya minta kepada Kementerian Luar Negeri, kalau apa yang disuarakan ini benar, tolonglah minta kelonggaran dengan Kementerian Pendidikan supaya anak-anak kepada pegawai-pegawai yang berkhidmat di Foreign Mission ini akan dapat diletakkan di sekolah-sekolah asrama penuh yang dekat dengan kaum keluarga.

Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Parit Buntar.

4.53 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman (Parit Buntar): Tuan Pengerusi, terima kasih dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kerana dipilih untuk duduk di atas sana. Saya minta izin untuk menyentuh Butiran 030000—Perhubungan Pelbagai Hala di bawah Maksud Bekalan B.51—Kementerian Luar Negeri yang diperuntukkan sebanyak RM250 juta tahun depan. Saya akan membicarakan secara khusus Program 030100 atas tajuk Perhubungan Serantau Kerjasama ASEAN, Program 030200—Hubungan Ekonomi Pelbagai Hala dan 030300—Perhubungan Antarabangsa.

Sebelum itu, saya ingin mengambil kesempatan yang terbatas ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian ini kerana berjaya mengharumkan nama Malaysia serta meletakkan negara ke tempat yang cukup wajar dalam peta dunia melalui dasar yang proaktif serta pendekatan dan tindakan yang bukan sahaja bijak tetapi juga berprinsip.

Ini dilaksanakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini khususnya sejak lebih satu dekad yang lalu setelah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih tampuk

pemerintahan negara. Saya masih ingat bahawa tugas utama yang dilaksanakan oleh beliau ialah menetapkan keutamaan atau priority kepada Wisma Putra dalam mengendalikan Dasar Luar Negara. Di atas sekali dalam senarai keutamaan yang beliau gariskan ialah hubungan dan peranan Malaysia dalam ASEAN. Ini diikuti oleh Pertubuhan Persidangan Islam atau OIC. Hubungan Selatan-Selatan dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali atau Non-Align Movement, Bangsa-Bangsa Bersatu dan akhir sekali Komanwel.

Meskipun senarai keutamaan ini mungkin telah berubah mengikut perkembangan semasa, namun ia telah meletakkan asas dan tapak yang cukup kukuh untuk dijadikan panduan dan garis bertindak bagi para diplomat Malaysia di seluruh dunia. Hasilnya kita semua sedia maklum.

Tuan Pengerusi, oleh kerana kesuntukan masa, saya tidak bermaksud untuk menghuraikan satu persatu kejayaan dasar luar kita tetapi khusus untuk 030100, iaitu Kerjasama ASEAN, tidak siapa yang boleh menafikan peranan penting yang kita mainkan dalam perhubungan serantau itu. Seperti yang kita tahu, Sekretariat ASEAN di Jakarta kini diketuai oleh seorang diplomat kanan kita sendiri selaku Setiausaha Agung iaitu Yang Berbahagia Dato' Ajit Singh.

Hasrat kita untuk mewujudkan Pakatan Kerjasama Ekonomi Asia Timur atau EAEC telah direstui oleh Ketua-ketua Kerajaan ASEAN di sidang kemuncak mereka di Singapura tiga tahun lalu. Gagasan tersebut akan dibincangkan secara lebih terperinci di sidang kemuncak ASEAN di Bangkok mulai Khamis ini sebelum ia dilancarkan tanpa penyertaan Jepun dan restu Amerika Syarikat.

Sekali lagi, saya ucapkan tahniah kepada Wisma Putra dan kerajaan-kerajaan ASEAN yang lain kerana berani mengeneipkan Jepun dan Amerika

Syarikat dalam hal ini. Langkah ini pernah saya sarankan dalam perbincangan dasar Belanjawan di Dewan yang mulia ini dahulu.

Tuan Pengerusi, hasrat kita untuk menjadikan rantau Asia Tenggara zon aman, bebas dan berkecuali yang telah dilaung-laungkan sejak hampir 20 tahun yang lalu akhirnya akan termakbul juga dengan termeterinya perjanjian menjadikan kawasan Asia Tenggara sebagai kawasan bebas nuklear oleh ketujuh-tujuh Ketua Kerajaan ASEAN bersama-sama dengan ketua kerajaan Myanmar, Laos dan Kemboja di Bangkok Jumaat ini, walaupun terdapat bantahan, sekali lagi, daripada Amerika Syarikat dan China.

Tuan Pengerusi, mengenai peranan kita dalam OIC, yang saya kira terletak di bawah Program 030300 iaitu berkait dengan Hubungan Antarabangsa, sedikit sebanyak kita telah berjaya menggembelng negara-negara Islam sehingga menjadi satu pasukan yang disegani atau, dengan izin, 'a force to be reckoned with' oleh masyarakat antarabangsa. Yang paling terkini, sebagai anggota OIC Contact Group ataupun Kumpulan Penghubung OIC mengenai Bosnia, Malaysia telah dipilih menganggotai Majlis Implementasi Damai di Persidangan Pelaksanaan Damai Bosnia yang baru berakhir di London, dua hari lalu.

Majlis ini yang dinamakan Bosnian Peace Implementation Council bertanggungjawab untuk membangunkan semula Bosnia-Herzegovina setelah penandatanganan perjanjian damai di antara Bosnia, Croatia dan Serbia di Paris, juga Khamis ini. Selepas itu, pasukan pelbagai negara yang kini ditempatkan di Bosnia-Herzegovina akan dikenali sebagai Peace Implementation Force. Sebenarnya inilah yang Malaysia selama ini mahukan.

Sejak awal-awal lagi Malaysia khususnya melalui Yang Amat berhormat Perdana Menteri kita sendiri telah berkali-

kali mengingatkan tentang perlunya diwujudkan perdamaian sebelum kita adakan peacekeeping force. Sejak awal-awal lagi juga kita telah mengambil secara unilateral langkah mengkritik penglabelan peacekeeping untuk tentera pelbagai negara yang ditempatkan di Bosnia Herzegovina itu. Bak kata Perdana Menteri, saya petik dengan izin, quote, "There can never be....."

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Dua minit lagi.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Terima kasih. Saya quote apa yang Perdana Menteri kata. "There can never be peacekeeping if in the first place there is no peace". Beliau mahukan ketika itu status pasukan tersebut ditukar kepada "Peace Enforcement Force". Sekarang masyarakat antarabangsa telah menamakan "Peace Implementation Force". Pada saya perbezaannya adalah cuma dari segi semantik. Dengan lain-lain perkataan, apa yang kita sarankan selama ini akhirnya seperti biasa diterima oleh masyarakat antarabangsa.

Satu lagi contoh. Tuan Pengerusi, yang menunjukkan bahawa saranan-saranan MALAYSIA sentiasa betul dan tepat dan lambat-laun akan diterima oleh masyarakat antarabangsa. Ia ada kena-mengena dengan prestasi Malaysia dalam persidangan APEC dan Bangsa-Bangsa Bersatu. Saya masih teringat di Sidang Kemuncak APEC pertama di Seattle di mana Perdana Menteri telah mengambil keputusan untuk tidak hadir. Beliau telah dicap sebagai "recalcitrant" ataupun keras kepala kerana keengganannya menghadiri sidang itu yang beliau lihat ketika itu sebagai percubaan negara maju khususnya Amerika Syarikat dan Australia untuk menperalatkan negara-negara membangun.

Kemudian di Sidang APEC yang kedua di Bogor tahun lalu, yang beliau terpaksa hadir untuk memelihara hubungan baik dengan Indonesia dan atas dasar kesetiakawanan ASEAN, Malaysia

dicemuh kerana meletakkan syarat kepada Deklarasi Bogor yang antara lain menetapkan tahun 2010 sebagai sasaran untuk negara-negara maju membuka pasaran mereka dan tahun 2020 bagi negara-negara membangun dalam APEC meliberalisasikan pasaran masing-masing bagi negara-negara anggota.

Saya berada di Jakarta ketika itu untuk meliputi persidangan tersebut sebagai wartawan. Saya dapat merasakan bahang kemarahan rakyat Indonesia ketika itu. Wartawan-wartawan Indonesia yang tidak serik-serik menghentam Malaysia dalam tulisan mereka, menuduh Malaysia sebagai "sengaja mahu bikin rosak Indonesia". Apabila saya tanya perdana Menteri, kenapa beliau buat perangai begitu? Beliau menjawab, ini bukan perangai. Apa yang beliau perjuangkan ialah prinsip. Beliau tidak mahu membuat sebarang komitmen yang boleh mengikat generasi akan datang. Katanya, walaupun Malaysia percaya kepada perdagangan bebas dan sentiasa mengambil langkah ke arah itu. Malaysia tidak mahu terikat dengan jadual waktu yang rigid.

Secara kebetulan saya berada di Sydney pula kira-kira seminggu selepas itu untuk menghadiri Persidangan Wartawan Asia dan Eropah. Walaupun saya tidak ada kena mengena dengan Kementerian Luar Negeri, tetapi oleh kerana saya daripada Malaysia, saya dibelasah atas, bawah, kiri, kanan oleh wartawan-wartawan Australia sekali lagi kerana pendirian Malaysia di APEC.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Yang Berhormat sampai ke Sydney, selepas ini nak sampai ke mana lagi?

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Balik ke Malaysia pula. Bagaimanapun, Tuan Pengerusi, tepat seperti kata pepatah, kebenaran itu akhirnya akan menyerlah, lambat laun. Akhirnya, pada sidang APEC di Osaka

baru-baru ini, pendirian Malaysia diterima, Sidang itu bersetuju bahawa pelaksanaan Deklarasi Bogor adalah secara sukarela ataupun dimasukkan di dalam apa yang disebut, voluntarism.

Jadi, tiap-tiap negara tidak perlu dipaksa untuk menerima deklarasi tersebut. Mereka boleh merealisasikan dagangan mereka menurut kemampuan masing-masing. Yang hairannya, kalau di Bogor ada sebuah negara jiran yang seolah-olah berlagak sebagai champion liberalisasi dagangan dan apabila sidang di Osaka menetapkan bahawa time table itu bukanlah satu time table atau jadual yang rigid, maka negara ini jugalah, dalam persidangan di Bangkok sekarang paling banyak mengemukakan senarai barang-barang yang mahu dikecualikan dari liberalisasi tarif tadi.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Seminit lagi ya. Jadi, apa yang ingin saya jelaskan ialah, walaupun setakat ini kita dikritik dan dihentam kiri, kanan, atas, bawah, akhirnya, apa yang kita perjuangkan adalah betul dan ini diiktiraf oleh dunia.

Jadi, atas dasar itu, Tuan Pengerusi, saya tidak ragu-ragu lagi untuk menyokong peruntukan sebanyak RM250 juta ini demi untuk meningkatkan imej Malaysia. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Kubang Kerian.

5.03 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bijak mengendalikan urusan Parlimen. (*Ketawa*) Saya merujuk kepada Maksud B.51, Butiran 020000—Hubungan Dua Hala dan Perancangan Dasar.

Tuan Pengerusi, Malaysia sering membuat hubungan dengan pertubuhan-pertubuhan ketika pertubuhan itu belum ada negara, misalnya Malaysia ada hubungan dengan PLO di mana PLO telah dapat membuka pejabat di sini dan mendapat bantuan daripada pihak kerajaan.

Begitu juga Malaysia biasa membuat hubungan dengan ANC ketika ANC belum lagi ada sebuah kerajaan di Afrika Selatan sekarang ini. Apakah ukuran pihak Kementerian Luar Negeri atau Kerajaan Malaysia untuk membenarkan sesuatu pertubuhan politik atau pejuang-pejuang untuk membuka pejabat mereka di Malaysia? Kriteria apa yang digunakan untuk membenarkan mereka membuka pejabat mereka di Malaysia?

Adakah misalnya, Kerajaan Malaysia mengizinkan pejuang-pejuang Chechnya untuk membuka pejabat mereka di Kuala Lumpur? Kalau Kerajaan Malaysi tidak izinkan, apakah sebabnya tidak diizinkan, sedangkan mereka adalah satu pertubuhan pejuang seperti PLO dan ANC. Begitulah juga pejuang-pejuang Kashmir, mereka berjuang untuk merdeka dan Bangsa-bangsa Bersatu telah beberapa kali membuat resolusi supaya dibuat referendum kepada rakyat Kashmir dan pejuang-pejuang ini ialah pejuang kemerdekaan dan kalau mereka minta untuk membuka pejabat di Kuala Lumpur, di Malaysia, kalau diterima, kita faham dan kalau tidak diterima, apakah kriteria yang ditolak permohonan golongan mereka untuk membuka pejabat rasmi mereka bagi pejuang-pejuang.....

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Yang Berhormat.....Yang Berhormat kena tengok sini. Yang Berhormat kena tengok sini, tak usah tengok sana. (*Ketawa*)

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tak apa. Saya tengok Tuan Pengerusi yang handsome! (*Ketawa*) Tuan Pengerusi, jadi kriteria inilah yang perlu dijelaskan dalam

Parlimen ini supaya kita tahu yang mana satu hendak ditolak dan kenapa sebab-sebab ditolak. Memang kita ada hubungan G-to-G-government dengan government. Ada juga pertubuhan dengan pertubuhan. Misalnya dahulu, ketika Allahyarham Tun Abdul Razak melawat China, semasa itu Allahyarham Tun Abdul Razak kompelin tentang hubungan China dengan Parti Komunis Malaya, lalu dijawab oleh Perdana Menteri di waktu itu, Chou Eng Lai, katanya Kerajaan Beijing tidak ada hubungan dengan Parti Komunis China. Yang ada hubungan adalah Parti Komunis China dengan Parti Komunis Malaya iaitu Kerajaan China tidak ada hubungan dengan Parti Komunis, tetapi Parti Komunis China ada hubungan dengan Parti Komunis Malaya.

Begitu juga kita lihat sekarang ini, hubungan G-to-G, government dengan government dan parti dengan parti juga berlangsung. Misalnya, Malaysia mempunyai hubungan baik dengan Kerajaan Indonesia. Begitulah juga partinya, UMNO dengan Golkar. Usaha ini bagus supaya kita, parti-parti pembangkang juga lain kali boleh ada hubungan dengan parti-parti di sebuah negara. Jangan bila ada hubungan parti, kita, pembangkang dengan pembangkang di sebuah negara, maka waktu itu pihak Wisma Putra atau pihak kerajaan kata, "tak boleh". Macam tadi. Yang Berhormat dari Jelutong berkata fasal Perdana Menteri, dahulu, semasa dipecat daripada UMNO, naik ke atas pentas PAS, mengkritik kerajaan boleh waktu itu, tetapi sekarang, Lim Guan Eng menegur sedikit pun tidak boleh. Jadi, perkara ini, standardnya hendaklah jelas supaya hubungan kerajaan dengan kerajaan dan hubungan pertubuhan dengan pertubuhan itu kalau digalakkan, kita memang setuju perkara itu.

Tuan Pengerusi, Jadi, setakat mana pula usaha-usaha OIC untuk menggerakkan negara-negara OIC dalam menangani masalah Kashmir dan masalah

Chechnya. Janganlah kita, misalnya dalam masalah Bosnia, setelah ia mendapat liputan di semua pihak, maka kita mengambil bahagian yang aktif dan kami tidak pernah pun tidak menyokong dalam peranan Malaysia dalam hal Bosnia ini. Cuma, kita mahu Malaysia juga memainkan peranan dalam masalah-masalah lain seperti Chechnya, Kashmir dan juga masalah umat Islam di Burma di mana golongan Rohingya, kita tahu cukup teraniaya di negara Burma dan kita harap Malaysia dapat memainkan peranan utama untuk membantu golongan mereka ini bersama-sama dengan OIC.

Peranan Malaysia di Bosnia kita harap akan berterusan selepas negara itu damai sebab kita tahu 'the yankee' iaitu Amerika masuk sekarang ini setelah matlamatnya hampir hendak dicapai. Pada peringkat awal kita tahu Amerika dan kuasa-kuasa besar seolah-oleh tidak peduli, tetapi negara-negara kecil khasnya negara-negara OIC, termasuk Malaysia, memainkan peranan dan sudah hampir mencapai kejayaan. Misalnya, sekarang Amerika dan kuasa Barat datang dengan pasukan NATO dan sebagainya.

Yang membimbangkan kita setelah damai nanti, yang mengambil peluang di sudut pembangunan dan sebagainya ialah Amerika dan Kuasa-kuasa Barat ini. Negara yang pada peringkat awal bertungkus-lumus untuk membentuk atau membantu Bosnia akan diketepikan. Perkara ini hendaklah diambil perhatian oleh pihak Kementerian Luar Negeri dan Kerajaan Malaysia.

Tuan Pengerusi, sekarang ini begitu rancak soal perjanjian damai antara pejuang-pejuang Selatan Filipina untuk mendapat autonomi di Mindanao dan pulau-pulau yang berdekatan. Saya ingin mengemukakan bahawa kita tahu pejuang-pejuang Filipina ini lebih rapat dengan Malaysia dan pemimpin-pemimpin yang ada di Malaysia khasnya Timbalan Perdana

Menteri. Tetapi kenapa mutakhir ini kita lihat bahawa pejuang-pejuang ini lebih memilih Indonesia untuk mereka berunding dengan pihak Filipina dan semakin jauh dengan Malaysia?

Adakah usaha ataupun ada tekanan-tekanan daripada Filipina supaya pejuang-pejuang itu tidak memilih Malaysia sebagai tempat untuk mereka berunding atas sebab-sebab tuntutan mereka ke atas Filipina tidak ada lagi hitam-putih yang mereka gugurkan secara mutlak. Jadi, perkara ini perlu dilihat sebab kita lihat pejuang-pejuang itu, kita tahu latar belakangnya lebih rapat dengan kita, tetapi sekarang, Indonesia menjadi pilihan mereka. Barangkali ada tekanan daripada pihak Filipina dan kalau tidak boleh beri penjelasan pun, tidak apa, tetapi ini sebagai satu perkara yang saya ingin ingatkan.

Tuan Pengerusi, perkara yang seterusnya saya ingin sebut ialah berkenaan dengan Butiran 030000-Hubungan Berbagi Hala iaitu Program 030100-Pertubuhan Serantau dan Kerjasama ASEAN.

Masalah ini saya ingin kemukakan, iaitu masalah pelajar-pelajar kita. Pelajar-pelajar kita yang menuntut di Indonesia misalnya, mereka pergi pada peringkat awalnya, kadangkala susah untuk mendapat visa pelajar, mereka pergi sebagai seorang pelancong. Dua bulan kemudian, mereka mesti dapatkan permit pelajar. Mereka kena membayar sehingga 50,000 Rupiah, lebih kurang dalam RM60 atau RM70 kita. Kemudian, misalnya pada cuti Hari Raya, apabila mereka hendak balik bercuti untuk berhari raya mereka masuk semula. Hendak balik itu pun, kena bayar lagi. Adakah ini peraturan apapun sengaja dikenakan oleh pihak kastam atau pihak imigresen di sana? Adakah peraturan Indonesia ataupun sengaja dikutip oleh pegawai-pegawai dan pelajar-pelajar kita hendak keluar-masuk ke Indonesia khasnya Aceh dan

juga di sebelah Medan, mereka terpaksa bayar red-tape yang cukup banyak, satu perkara, satu perkara. Dan kita harap pihak Kementerian Luar Negeri dapat berunding supaya perkara ini dapat dibereskan. Kita melayan orang-orang asing begitu baik di Malaysia kecuali....

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Yang Berhormat, ada satu minit setengah. Boleh gulung, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:...yang datang secara haram. Tetapi yang datang secara tidak haram, sama ada pelajar dan sebagainya, kita melayan mereka dengan baik dan pelajar-pelajar kita tidak dilayan dengan baik di negara jiran.

Kita harap ianya dapat diselesaikan dalam rundingan di peringkat ASEAN supaya tidak ada double tax dan tidak dikenakan berbagai-bagai cukai kepada pelajar kita yang hendak balik cuti ataupun begitu susah untuk mendapat permit belajar, hendak dapat pula kena bayar berkali-kali, begitu mahal di sana.

Jadi, Tuan Pengerusi, sekian.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Nanti dulu. Serdang.

5.11 ptg.

Dato' Yap Pian Hon (Serdang): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyentuh Butiran 040100 - Pembukaan Perwakilan Baru dan Butiran 020300 - Perhubungan Luar Negara.

Tuan Pengerusi, mengikut rekod Kementerian Luar Negara, Malaysia kini mempunyai hubungan diplomatik dengan 131 buah negara dan 32 daripada jumlah ini telah dihantar perwakilan Malaysia sebagai Kedutaan Besar atau Suruhanjaya Tinggi dan perwakilan lain.

Tuan Pengerusi, dengan adanya perwakilan dan mengadakan perhubungan diplomatik dengan negara-negara asing, maka negara kita telah memainkan hal ehwal antarabangsa dalam pentas dunia ini memang merupakan satu perkara yang penting dan juga merupakan jurucakap kepada dunia yang ketiga buat waktu ini.

Tuan Pengerusi, dengan adanya perwakilan di seberang laut, maka hendaklah memperkukuhkan hubungan antarabangsa dan juga menyebarkan maklumat dan persefahaman mengenai peristiwa semasa, dasar-dasar kerajaan, tafsiran serta perkara-perkara lain mengenai negara kita yang terkini, tepat dan positif adalah amat penting.

Tuan Pengerusi, oleh kerana dengan mengadakan hubungan diplomatik yang begitu besar, memandangkan keadaan ini, maka pegawai-pegawai perwakilan perlu dilatih. Pegawai-pegawai yang berkaliber hendaklah menguasai bahasa yang baik terutama bahasa Inggeria perlu dilatih. Latihan spesifik dari segi bahasa adalah penting untuk mencapai tahap yang lebih tinggi di peringkat antarabangsa. Maka, saya minta kementerian untuk memberi penjelasan atau maklumat lebih lanjut berkaitan bagaimana cara untuk melantik berkaitan dengan perwakilan kita di antarabangsa.

Tuan Pengerusi, buat waktu ini tidak tahu mengapa kadang-kadang kenyataan-kenyataan yang negatif, tidak betul, tidak benar berlaku atau bertujuan untuk menjatuhkan imej negara tiba-tiba disebarkan di negara-negara lain. Sungguhpun terdapat perwakilan kita di negara tersebut, tetapi mesej-mesej yang dipaparkan yang menyeleweng dari apa yang sebenar. Ini perlu diawasi dan dibanteras dengan segera demi menjaga imej negara. Sumber-sumber tertentu menyatakan bahawa terdapat pemimpin-pemimpin parti pembangkang yang sering berjumpa dengan pelajar-pelajar yang

menuntut di institusi-institusi pengajian di luar negara. Kementerian juga perlu sentiasa memerhati kegiatan ini supaya pelajar-pelajar kita tidak dapat diracuni dengan berita-berita yang palsu dan yang tidak benar.

Baru-baru ini Yang Berhormat dari Kota Melaka ditemu bual oleh BBC sepertimana Yang Berhormat dari DAP katakan. Tetapi kenyataan beliau telah menarik perhatian pihak-pihak tertentu. Pada pendapat saya beliau bercita-cita mempergunakan saluran tersebut untuk memenuhi hasratnya. Tetapi perbuatan ini akan menyebabkan negara lain berpeluang untuk campurtangan dalam hal ehwal pentadbiran negara. Kenyataan di mana tiada kebebasan perhimpunan, kerajaan tidak demokrasi dan hak asasi manusia tidak diambil berat adalah salah dari apa yang rakyat kita menikmati sekarang. Jika negara kita tidak mempraktikkan demokrasi, adakah beliau boleh dapat duduk di dalam Dewan ini? Yang Berhormat dari parti-parti pembangkang tidak dapat peluang untuk menyuarakan ucapannya dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Pengerusi, sentiasa kita mendengar bahawa Yang Berhormat dari parti pembangkang mengatakan demikian. Jika, Tuang Pengerusi....

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bangun.

Dato' Yap Pian Hon: Tidak ada masa lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Point of order.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Point of order apa?

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah baca? Ini bukan satu reading lesson. Dia baca teksnya. Bolehkah macam itu Tuan Pengerusi? Menteri boleh. Bolehkah dia? Dia baca. Bolehkah seorang ahli baca teks?

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Jelutong duduk.

Tuan R. Karpal Singh: Ini bukan satu nursery.

Dato' Yap Pian Hon: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan): Saya rasa dia boleh tengok teks dia sedikit-sedikit. Pasal Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini sudah lama jadi Ahli Parlimen, ini dia baru.

(Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, walaupun saya pertama kali dalam parlimen ini, kalau dibandingkan saya dengan Yang Berhormat dari Tanjong atau Jelutong ini, memang saya tidak boleh dibandingkan dengan mereka. Pengalaman mereka memang matang, tetapi walau bagaimanapun saya. . .

Tuan R. Karpal Singh: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sekejap ya. point of order ya.

Tuan R. Karpal Singh: Dia mahu simpati sekarang. Tuan Pengerusi. Di Dewan yang mulia ini, kalau mahu baca, jangan masuk Dewan ini. Pergi ke sekolah. Ini bukan satu reading lesson. Bolehkah saya dapat satu ruling?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya sudah empat tahun lebih di Parlimen. Kebiasaannya memang kita nampak ramai yang membaca. Tidak apalah Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: No. No. Itu bukan jadi teratur.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat. . .

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau ones get pretaforious, therefore he is right.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Daripada pembangkang dan kerajaan pun, Menteri pun ada yang membaca. Saya tidak nampak apa-apa ruling perlu dibuat Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat. . .

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi. . . .

Dato' Yap Pian Hon: Apa hal ini? Saya sedang berucap.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya telah buat keputusan. . .

Tuan R. Karpal Singh: Seratus peratus baca.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Boleh baca Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat hendak baca pun boleh baca. Tidak ada masalah. Yang Berhormat boleh baca.

Tuan R. Karpal Singh: Apa guna masuk dalam Dewan jikalau baca juga.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat. . . .

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*).

Dato' Yap Pian Hon: Saya sedang berucap Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau hentam pembangkang, jangan baca. (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Bukan hentam.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kalau hendak hentam pembangkang, bolehkah tidak berucap tidak baca? (*Ketawa*) Sila Yang Berhormat. Lain-lain saya ingat dia tidak "object" lah. (*Ketawa*).

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih banyak Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya bukan hentam, hanya ulasan. Kerana apa Yang Berhormat dari Kota Melaka melalui BBC ini bukan saluran yang betul. Dewan ini sahaja! Dewan ini yang merupakan satu saluran yang betul untuk menyuarakan masalah-masalah tempatan. Kalau mereka tidak puashati, suarakan di dalam Dewan Rakyat yang mulia ini supaya rakyat tahu. Tetapi kalau Parti Pembangkang menang, ada demokrasi. Kalau Parti Pembangkang kalah, dia kata tidak ada demokrasi, Apa logik ini? (*Tepuk*) Apa logik yang dikatakan?

Tuan Pengerusi, kalau negara kita tidak ada demokrasi, Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak ada peluang untuk bertanding dan tidak boleh dapat elaun daripada Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, oleh yang demikian itu.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Masa sudah cukup.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjong.

5.19 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Pengerusi, dalam peribahasa Tionghua ada kata, pencuri kata orang lain pencuri (je han je). Tadi kita dengar seorang pengkhianat tuduh orang lain pengkhianat. Seorang pengkhianat daripada DAP mahu kata orang lain pengkhianat. (*Tepuk*) "Tan je han je tiansi"—Pengkhianat kata orang lain pengkhianat. Inilah orang yang benar-benar pengkhianat. Ini menunjukkan satu sikap yang begitu sempit.

Dr. Tan Chong Keng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Satu sikap yang begitu sempit. Tidak ada masalah pengkhianat. Chapter pengkhianat sudah lepas.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak minta penjelasankah atau apa Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Kita mahu masuk isu ialah sikap ini menunjukkan ada

pemimpin-pemimpin di sini atau Ahli-ahli parlimen di sini berfikiran begitu sempit yang mengatakan bahawa kita tidak boleh bincang masalah-masalah negara di lain-lain tempat selain daripada Parlimen.

Apabila rakyat di Afrika Selatan menuntut, berjuang, berkorban untuk keadilan, kemerdekaan, kita sokong. Kita sokong. Kita pun membenarkan mereka tubuhkan satu pejabat ANC di Malaysia. Kalau kerajaan masa itu berfikiran begitu sempit, ini salah. Kita hypocritical, tetapi inilah sikap seorang pengkhianat. Seorang pengkhianat sahaja yang boleh berfikiran begitu sempit. Saya harap bahawa kita akan lebih terbuka. Kita dalam satu era sains dan teknologi. Abad ke-21, bukan lagi masa pengkhianat.

Saya mahu sebut mengenai Nigeria. Hari ini kita baca dalam surat khabar bagaimana nominee Nobel Prize dan seorang pejuang hak-hak asasi Ken Saro-Wiwa, cara yang begitu zalim dan kejam di mana beliau meninggal dunia, masanya begitu panjang 'lingering death'. Perkataan-perkataan yang digunakan 'lingering death' oleh kerana rejim yang zalim, General Abacha dan kita perlulah mengambil satu pendirian untuk menunjukkan satu clear line, di mana ada negara-negara yang melakukan perbuatan mereka begitu zalim. Kita perlu menunjukkan pendirian kita, bukan sahaja menyokong, menggantung (suspend) keahlian Nigeria daripada Komanwel, tetapi untuk mengambil langkah-langkah yang lain.

Kalau tahun 60-an Malaysia boleh mengambil pendirian yang tegas untuk boycott dan memutuskan semua perhubungan dengan Afrika Selatan oleh kerana polisi Apartheid, masa sekarang pun sudah sampai untuk Kerajaan Malaysia menunjukkan bahawa kita ada pendirian yang tegas dan bukan sahaja suspend, tetapi kenapa tidak boleh putus

hubungan diplomatik dengan Nigeria sehingga Kerajaan Rejim Nigeria menghormati hak-hak memulihkan demokrasi di Nigeria.

Kita perlu mengambil inisiatif semacam inisiatif antarabangsa supaya Nigeria tidak dibenarkan untuk menyertai Sukan Komanwel yang akan diadakan di Malaysia pada tahun 1998. Oleh kerana perlunya ada pendirian yang tegas diambil terhadap kerajaan-kerajaan yang begitu zalim, yang tidak menghormati hak-hak asasi.

Begitu juga Myanmar di mana kita boleh lihat baru-baru ini perkembangan-perkembangan di Myanmar di mana pemimpin-pemimpin pembangkang khasnya Aung San Suu Kyi, sungguhpun dibebaskan daripada tahanan selama 5 tahun 6 bulan dahulu, tidak diberi ruang untuk memainkan peranan dalam negara Myanmar. Sungguhpun beliau mengetuai satu parti yang menang dalam pilihan raya yang dijalankan oleh rejim junta tentera dan tidak ada apa yang kita lihat dalam masa 6 bulan ini menunjukkan bahawa SLORC tidaklah ada hasrat untuk memulihkan atau memulakan proses democratization, proses reconciliation di Myanmar sama ada dengan pihak-pihak pembangkang atau dengan puak-puak etnik minoriti di Myanmar. Kalau begitu Kerajaan Malaysia dan negara-negara Asian perlulah mengkaji semula polisi constructive engagement nampaknya tidak begitu konstruktif dan dalam Sidang Kemuncak Summit Asean yang akan berlangsung di Bangkok dalam masa beberapa hari, satu pendirian tegas patut diambil oleh Asean dan Malaysia patut memberi pimpinan, inisiatif di mana pemimpin-pemimpin daripada SLORC, Myanmar tidak dibenarkan untuk menjadi pemerhati-pemerhati di Sidang Kemuncak.....

Dato' Yap Pian Hon: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat, ada point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada masa-tidak ada masa.

Dato' Yap Pian Hon: Point of order-point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Point of Order.

Dato' Yap Pian Hon: 35(1)

Tuan Lim Kit Siang: Begitu lama baru point of order.

Dato' Yap Pian Hon: 35(1)....

Tuan Lim Kiat Siang: Wah! baca peraturan mesyuarat mahu 10 minit.

Dato' Yap Pian Hon: 35(1) Seorang ahli yang hendak bercakap hendaklah bangun di tempat dan apabila dipanggil oleh Pengerusi maka hendaklah berdiri mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi.....

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Dato' Yap Pian Hon: Tidak ada, tentukan Tuan Pengerusi, 35(1)....

Tuan Lim Kiat Siang: Apa itu?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat....

Dato' Yap Pian Hon: 35(1)....

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya tidak berapa dengar. Yang Berhormat sila ulang.

Tuan Lim Kit Siang: Saya pun tidak berapa tahu apa itu?

Dato' Yap Pian Hon: Tidak tahu, duduklah!

Beberapa Ahli: Boo!

Dato' Yap Pian Hon: Sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Ada orang.....

Dato' Yap Pian Hon: "Seseorang ahli yang hendak bercakap hendaklah bangun di tempatnya dan apabila dipanggil oleh Pengerusi maka hendaklah ia berdiri mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi. Dia itu macam (*sambil menunjukkan gaya*) - tidak boleh, hormat kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, sila.

Dato' Yap Pian Hon: Itu pembangkang.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tolong tengok saya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Itu budaklah. Ini menunjukkan 'pengkhianat' menjadi 'budak' - bolehlah-bolehlah. Pengkhianat mahu jadi budak - boleh, tidak apalah, kita tengok sahajalah, pengkhianat yang mahu menjadi budak bolehlah.....

Dr. Tan Chong Keng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang bangun lagi. Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehlah teruskan - boleh teruskan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang bangun lagi. Yang Berhormat. Ya, apa dia Yang Berhormat?

Seorang Ahli: Point of order, duduklah!

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Pengerusi, point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Dr. Tan Chong Keng: Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, cakaplah point of order, bukanlah mulut.

Dr. Tan Chong Keng: 36(6).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Buka mulut!

Dr. Tan Chong Keng: Point of order 36(6) Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain. Maksud saya Yang Berhormat dari Tanjong tidak boleh memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa sesiapa ahli yang ada di sini adalah 'pengkhianat'.

Satu lagi, saya hendak minta penjelasan.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat, minta duduk Yang Berhormat.

Dr. Tan Chong Keng: pada masa yang sama.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, saya sudah faham

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan tidak beri-penjelasan tidak beri.

Dr. Tan Chong Keng: Juga.....

Tuan Lim Kit Siang: Wah! boleh dua-dua.....

Dr. Tan Chong Keng: Dua-dua.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat minta penjasankah atau apa, Yang Berhormat?

Dr. Tan Chong Keng: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Itu ikut peraturan mesyuarat yang baru! Saya tidak pernah tengok dua-dua?

Beberapa Ahli: Duduklah!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat minta di atas peraturan mesyuaratkah atau minta penjelasan?

Dr. Tan Chong Keng: Yang pertama sekali, saya minta selepas saya bangkitkan standing order.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Penjelasan dia kena beri, Yang Berhormat.

Dr. Tan Chong Keng: Nanti, boleh?

Tuan Lim Kit Siang: Awak kena tanya saya-awak kena tanya saya.

Dr. Tan Chong Keng: Betul. saya hendak tanya dia, saya hendak minta penjelasan.....

Tuan Noh bin Omar: Duduklah, (kepada Tuan Lim Kit Siang) tidak tahu undang-undangkah!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, sabar-sabar.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, apa mahu tanya saya?

Tuan Noh bin Omar: Duduk!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, dia hendak minta penjelasan. Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, panggil pun berdiri, duduk! duduk!

Dr. Tan Chong Keng: Saya hendak minta penjelasan berkaitan dengan istilah 'pengkhianat' itu. Adakah.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan belum beri.

Dr. Tan Chong Keng:pengkhianat.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum beri.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat hendak beri atau tidak mahu beri?

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu. Dia tanya dahulu baru saya jawab. Dia belum tanya.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak apalah saya tanya. Yang Berhormat hendak beri.....

Dr. Tan Chong Keng: (*Bangun*)

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Bukan dia mahu tanya,.....

Dr. Tan Chong Keng: Saya mahu tanya dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Minta dia duduk dahulu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak apalah Yang Berhormat, beri dia jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Mana boleh dua orang berdiri, minta dia duduk oleh kerana saya mahu jawab, saya mahu beri atau tidak mahu beri.

Dr. Tan Chong Keng: Saya minta penjelasan....

Tuan Noh bin Omar: Saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Sila duduk-sila duduk.

Dr. Tan Chong Keng: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat berikah?

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan beri satu jawapan selepas ruling dibuat mengenai peraturan.....

Dr. Tan Chong Keng: Tak mahu beri?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat yang mana ya?

Tuan Lim Kit Siang: Kita mahu sampai satu langkah demi satu langkah, lepas itu saya beri jawapan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak saya buat rulingkah atau minta penjelasan?

Dr. Tan Chong Keng: Ada point of order 36(6), minta Yang Berhormat dari Tanjong jangan sebutkan perkataan 'pengkhianat' lagi terhadap siapa-siapa Ahli Dewan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, saya minta Yang Berhormat dari Tanjong jangan mengulang perkataan 'pengkhianat' kepada siapa-siapa, kerana itu menyalahi peraturan mesyuarat. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Ruling ialah seorang 'pengkhianat' DAP, kita tidak boleh sebut dia 'pengkhianat' lah—tidak

boleh? Boleh kita kata 'pembelot'? Boleh kata 'traitor' dalam bahasa Inggeris? Kalau tidak boleh guna 'traitor' apa perkataan yang boleh digunakan? Saya minta ruling dan bantuan.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Ada perkataan-perkataan lain selain dari 'traitor' Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, itu bukan untuk saya memberi penjelasan apa perkataan yang digunakan. Saya hanya memberitahu Yang Berhormat perkataan-perkataan tertentu itu tidak boleh digunakan.

Tuan Lim Kit Siang: 'Traitor' DAP tidak boleh gunalah?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Sungguhpun dia 'traitor'—.....

Seorang Ahli: (*Mengganggu*)

Tuan Lim Kit Siang: Okaylah—ada satu permintaan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan. Masa 10 minit sahaja. Kalau saya boleh dapat injury time, saya akan beri, terpulang kepada Kerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat ada 4 minit lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Lagi 4 minit.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Lagi 4 minit.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi kalau dia boleh beri injury time saya boleh beri. Tidak boleh ada injury time?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak ada.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau begitu, dia kena injuredlah.

Saya harap bahawa Malaysia dan ASEAN akan menyampaikan satu message yang jelas kepada junta tentera di Myanmar bahawa cara-cara dan prestasi beberapa bulan ini tidak memuaskan, oleh kerana tidak menunjukkan bahawa rejim Myanmar rela mengadakan satu proses demokratisasi dan reconciliation yang bermakna. Dengan sebab itu kita dengar, kita baca bahawa kerajaan-kerajaan Asean sudah membuat keputusan untuk menjemput pemimpin-pemimpin SLORC ke Bangkok. Inilah sangat tidak wajar dan kita harap bahawa Malaysia dan Asean dalam sidang kemuncak ini boleh membuat satu keputusan yang tegas untuk tarik balik jempunan, membatalkan jempunan kepada pemimpin-pemimpin SLORC untuk menunjukkan bahawa kerajaan tentera Myanmar perlulah memulakan satu proses democratization yang lebih bererti dan lebih bermakna.

Di sini Yang Berhormat dari Parit Sulong dalam ucapannya ada membuat cadangan bahawa kerajaan patut menjemput wartawan-wartawan antarabangsa datang untuk melihat keadaan yang sebenarnya dalam Malaysia dan beliau ada menyelar kerajaan-kerajaan Barat termasuk Amerika Syarikat mengenai rekod hak-hak asasi.

Negara-negara yang lain termasuk Amerika Syarikat, negara-negara Barat mereka mungkin ada rekod hak-hak asasi yang perlu kita tegur dan kalau mereka ada kekurangan, patut ditegur. Tetapi ini tidak boleh menjadi satu alasan untuk kita menyembunyi pencabulan hak-hak

asasi di tanah air kita, ini tidak boleh menjadi satu alasan untuk kita berpura-pura bahawa rekod hak asasi kita adalah sempurna, perfect dan tidak ada masalah.

Sepatutnya kita mempunyai satu sikap yang lebih terbuka di mana kita boleh bincangkan masalah-masalah negara kita di mana-mana tempat. Ini adalah satu global village dan kita mahu mereka yang dianiayai sama ada di Bosnia, di Afrika Selatan, di Myanmar dan di mana-mana juga mempunyai kebebasan untuk melahirkan masalah mereka di mana-mana tempat termasuk juga dalam Malaysia. Kenapa kita mahu menafikan Malaysia dengan hak-hak yang sama? Saya harap kita janganlah ada mempunyai fikiran, mentality yang begitu sempit yang menunjukkan kita tidak layak untuk menyertai satu era abad yang ke 21.

Tuan Pengerusi, cadangan daripada Yang Berhormat Parit Sulong untuk menjemput wartawan-wartawan antarabangsa datang ke Malaysia itu adalah satu cadangan yang baik yang jauh berbeza daripada cadangan-cadangan yang lain.

Baru-baru ini kita mendengar amaran daripada pemimpin-pemimpin tertentu termasuk seorang pemimpin yang ada dalam Dewan yang mulia ini yang mahu menutup, mahu mengharamkan surat-surat khabar antarabangsa oleh kerana laporan yang tidak benar. Apakah laporan yang tidak benar itu?

Hari ini Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin berkata bahawa surat khabar tempatan terlalu mengadakan journalisme propaganda dan bukannya investigative journalism. Itu benar. Surat-surat khabar tempatan sangat, dalam perkataan Tun Daim Zainuddin, practices too much of self-censorship. Saya akan gulung. Dan inilah kenapa rakyat Malaysia tidak begitu percaya, tidak ada credibility mengenai laporan-laporan akhbar tempatan mengenai perkembangan-

perkembangan dalam Malaysia. Ini semua adalah propaganda dan mereka lebih mempercayai apa yang mereka baca yang dimuatkan dalam surat-surat khabar atau magazin antarabangsa. Siapa salah? Ini adalah oleh kerana ada sikap pemimpin-pemimpin kerajaan, ahli-ahli Parlimen yang kita dengar tadi. Kalau kita mahu kredibiliti antarabangsa kita perlu ada satu press policy yang lebih terbuka, lebih independent, lebih investigative dan bukannya terus mengamalkan journalisme propaganda. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka.

5.35 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B. 51, Butiran 020000, Aktiviti 020300-Penerangan Luar Negeri.

Tuan Pengerusi, tadi kita melihat satu sandiwara oleh seorang Naib Presiden MCA tentang apa yang saya ucapkan di negara Malaysia dalam wawancara yang diberikan kepada BBC di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga turut mengambil bahagian. Saya tidak tahu sama ada dia bersikap bengis kerana wawancara yang diberikan oleh saya kepada BBC tanpa mengetahui bahawa Perdana Menteri menjadi 'main subject' dalam program ini.

Saya tidak nampak apa-apa kalau saya mengkritik kepincangan dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional sama seperti tindakan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Menteri yang mengkritik pihak kehakiman kerana membuat beberapa keputusan mahkamah yang tidak betul dan....

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingin penjelasan. Ada atau tidak perbezaan di antara wawancara yang Berhormat buat dengan yang saya buat. Saya buat dalam negeri 'audience'nya dalam negeri tetapi Yang terhormat menyelar kepada audience yang luar negeri. Kita duduk dalam gelangganglah, ya?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, wawancara saya dibuat dalam Malaysia kerana pasport saya ditahan, tidak boleh pergi ke luar negara kerana ada kes hasutan saya mengenai, saya rasa, bakal presiden Pemuda UMNO, Tan Sri Rahim Tamby Chik. (*Ketawa*)

Yang saya kritik dalam negara Malaysia, kritik mengenai dasar Kerajaan Barisan Nasional yang tidak adil. Kalau saya ada melakukan apa-apa kesalahan, kerajaan boleh mengambil tindakan terhadap saya kerana ini dibuat di dalam negeri dan bukannya di luar negara. Sungguhpun audience ialah 60 juta rakyat Britian tetapi kita sekarang di dalam global village dan saya difahamkan program ini juga ada diulangi di RTM2. Jadi, saya rasa ini tidak merupakan masalah sungguhpun kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya untuk surat khabar tempatan tetapi ianya juga dilapor di luar negara, dilaporkan di Singapura.

Adakah kerana ianya dilaporkan di Singapura. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah melakukan kesalahan? Saya rasa tidak. Kalau itu benar, itu betul kita mesti berani kerana benar, takut kerana salah. Kalau kita benar, tidak ada apa yang kita patut takut. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun bersetuju dengan pendirian seperti ini. Oleh itu, saya tidak nampak di mana salahnya kalau kita mengatakan tidak

betul, tidak betul. Kalau salah, salah saya sokong pendirian Timbalan Menteri tentang keputusan hakim yang lewat membuat judgement atau membuat judgement dengan sewenang-wenangnya tanpa merujuk kepada asas undang-undang. Itu saya bersetuju.

Saya harap pendirian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berani menyuarakan kepincangan di pihak kehakiman ini boleh dibetulkan. Saya harap jangan berucap sahaja tetapi tindakan mesti disusuli dan saya sokong 100% bahawa ada hakim-hakim yang melakukan sesuatu yang tidak kena, tindakan haruslah diambil terhadap mereka.

Tentang wawancara saya dengan BBC, tidak ada apa yang salah. Kalau ada yang salah, sudah lebih awal tindakan diambil terhadap saya, tetapi tidak ada langsung.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila balik kepada butirannya.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ya, kepada Penerangan Luar Negeri. Kerana apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat dari Serdang, saya tidak membuat apa-apa yang membelot kepada negara. Saya rasa Yang Berhormat dari Serdang hendak melepaskan geram kerana sungguh pun Naib Presiden MCA tidak ada chance langsung untuk menjadi Timbalan Menteri tetapi di sini rasa beliau harus menilai kemampuan dan kebolehan sendiri kalau hendak berbanding dengan Setiausaha Perlimen Kementerian Pengangkutan-jauh! Jelas Yang Berhormat Setiausaha Perlimen Kementerian Pengangkutan lebih mampu, lebih berkebolehan, lebih layak menjadi Setiausaha Perlimen Kementerian Pengangkutan. (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Melaka, cukuplah. Kita di dalam Jawatankuasa tidak perlu serang menyerang. Di dalam Jawatankuasa kita ada Butiran-butiran tertentu.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya setuju. Saya hanya ingatkan dia. Mengapa dia tidak boleh jadi Timbalan Menteri, mengapa dia tidak boleh jadi Setiausaha Perlimen? Kena menilai kebolehan diri sendiri, berbanding dengan Yang Berhormat Setiausaha Perlimen Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya minta.....

Tuan Lim Guan Eng: Dia bila-bila lebih layak. Tuan Pengerusi, tentang apa yang saya ucapkan, mana ada unsur-unsur mengkhianati negara. Sebagai contoh, ini transkrip penuh wawancara saya dengan BBC.

Yang pertama, DAP represents all Malaysians, whether Indian, Malay or Chinese. We don't have access to the media electronic or print, and our only avenue is through these public meetings, and before public meetings we need a police permit. And it's extremely difficult sometimes to get a police permit. In fact, four of us here now is considered an illegal meeting if you do not get a permit from the police. In Malaysia, any meeting where you have more than three persons requires a permit. So there's no freedom of assembly as such in Malaysia. Which is of course against the United Nation Universal Declaration of Human Rights.

In Malaysia, the opposition is considered as an irritant, considered as destructive. Even though they admit the need for an opposition, they do not like the DAP, the role played by the DAP, because we exposed too much of their corruptions, too much of their malpractices and too much of their misdeeds and that's why they don't like an opposition like the DAP, that's not docile, that's not submissive and that's not obedient. They want an opposition party that's subservient and we will not play that role. We will not play that. We will fight for the rights of all Malaysians.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, if we talk about Asian values, does it give the right to the government to continue to be undemocratic, to continue to oppress the people? I would say, No. And they cannot do so just on the basis of their economic success. We are not asking for the rights of the community to be sacrificed, just to uphold the freedom of one individual, No.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kota Melaka, point of order.

Tuan Lim Guan Eng: Sedikit sahaja. We are just asking for the rights of individuals as enshrined.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Melaka, sekejap sahaja. Ada apa. Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: Sekejap, nanti dahulu.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Point of order.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya beri... enshrined under the United Nation Universal Declaration....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta semua bertenang.

Seorang Ahli: Point of order, duduklah! Tak fahamkah?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Pokok Sena hendak minta penjaslankah atau apa?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Berapa Yang Berhormat?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Peraturan Mesyuarat 35(1).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat, sila.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Dia bercakap dia tengok ke sini. Dia membaca.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta Yang Berhormat tengok saya. (*Ketawa*).

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta maaf. Terlupa hendak lihat Tuan Pengerusi. "We are just asking for the rights of individuals as enshrined under the United Nation Declaration of Human Rights to be respected. Because human rights is universal. There is no cultural version, there is no different eastern perspective on human rights. They are all the same, even if you look at it from a religious perspective. Human rights is universal-full stop."

Itu sahaja. Di manakah ada unsur-unsur di sini yang mengkhianati atau membelot negara?

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) Tanjong Karang minta jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, saya akan beri.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nanti, dia kata.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Mesti beri chance sedikitlah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, soal human rights. Yang Berhormat kata tidak ada perbezaan di antara human rights daripada sebelah Barat dan Timur. Saya hendak bertanya, kalau di sebelah Timur, kalau orang jantan gilakan orang jantan, dia syok dengan jantan, Yang Berhormat boleh bersetujukah? (*Ketawa*)

Tuan Lim Guan Eng: Itu bukan human rights. Yang kita sebut tentang human rights ialah berdasarkan piagam hak asasi manusia Bangsa-bangsa Bersatu. Mana ada dalam piagam.....

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: hak asasi manusia Bangsa-bangsa Bersatu yang menyatakan tentang jantan gila jantan? Tidak ada! Saya ada meneliti semua artikel, tak ada langsung.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, saya habiskan ini sekejap.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya akan beri, nanti sekejap. Tidak ada langsung.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup.

Seorang Ahli: Masa sudah cukup, duduklah!

Tuan Lim Guan Eng: Dan itu bukanlah kita hendak memperjuangkan jantan gila jantan. Saya tidak tahulah, mungkin Yang Berhormat hendak perjuangkan. Tetapi saya rasa tidaklah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: (*Bangun*)

Tuan Lim Guan Eng: Nanti. Nanti, saya akan beri, sekejap sahaja.

Seorang Ahli: Duduklah!

Tuan Lim Guan Eng: Yang saya tegaskan bahawa hak asasi manusia.

Seorang Ahli: Duduk!

Tuan Lim Guan Eng:yang sejagat, seperti kebebasan bersuara. Dalam Islam pun dibenarkan. Itu dari segi Barat-Timur semua serupa.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Okaylah, saya berilah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, freedom of rights, human rights, rights of association. Untuk berpesatuan dan persatuan-persatuan jantan, gay rights, itu human rights. Yang Berhormat bolehkah bersetuju atau tidak? Ini kerana perbezaan. Yang Berhormat kata tidak ada antara Barat dengan Timur, jadi, saya ingin bertanyalah.

Tuan Lim Guan Eng: We should not make this the homosexual discussion. (*Ketawa*) Itu saya rasa Yang Berhormat minat. Saya tak minatlah. Yang Berhormat mungkin minat, tetapi saya tak minat. (*Ketawa*) Yang saya rujuk ialah tentang apa yang disebut dalam Piagam

Bangsa-bangsa Bersatu. Mana ada tentang jantan gila jantan dalam hal ini. Tidak ada langsung. Apa yang termaktub, di mana Malaysia sebagai Ahli Bangsa-Bangsa Bersatu pun bersetuju dengan piagam hak asasi manusia.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Masa sudah suntuk.

Tuan Lim Guan Eng: Oleh sebab itu, saya rasa tak ada kebebasan ini seperti permit untuk mencetak surat khabar.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Untuk 'Roket' hanya untuk ahli-ahli sahaja, tak boleh untuk orang awam. Mana ada kebebasan percetakan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Cukup.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Tak ada langsung. Saya sebagai bekas.....

Dr. Tan Cheong Keng: Minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Setiausaha PPT tahu tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Masa sudah cukup.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah lebih.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa hendak beri chance pun tak boleh. Saya minta gulung.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah lebih, ada lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya minta gulung?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Gulung tikarlah lu!

Tuan Lim Guan Eng: Saya ingin meminta pihak kerajaan, kalau mereka hendak tunjukkan.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Gulung tikar.

Tuan Lim Guan Eng:mereka memperjuangkan demokrasi dan hak asasi manusia di luar negeri, dia mesti bersikap consistent, mesti tuntas, mesti mempunyai iltizam, menegakkan prinsip, seperti mungkin yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri macam inilah.....

Seorang Ahli: (Menyampuk)

Tuan Lim Guan Eng: Menunjukkan iltizam, bukan iltizam main-main. Iltizam Yang Berhormat dari Serdang, itu tak bagus. Itu hendak melepas geram sahaja. Frustr tidak boleh jadi Timbalan Menteri, tak patut.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduk, gulung tikar.

Tuan Lim Guan Eng: Kita consistent dengan semua negara, prinsip-prinsip asas seperti termaktub dalam piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lupar.

5.43 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap persoalan Kementerian Luar Negeri, soal kebebasan Pentadbiran Ibu Pejabat/Perkhidmatan sokongan.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun sambil melambai tangan dan keluar Dewan*).

Seorang Ahli: Oh, pengecutlah lu.

Seorang Ahli: Takutkah?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Wo, balikkah, gulung tikarlah lu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bertenang, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Balik kampungkah? Pengecut.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila Batang Lupar.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, bayar tol. Soal kebebasan, saya memang setuju. Saya bersetuju kebebasan mesti diberi dengan masyarakat, tetapi bukan dalam konteks yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Dia tak faham. Tuan Pengerusi, soal kebebasan relatif. Kalau kita pandang-okey, saya bercerita dahulu. Amerika Syarikat sudah independent berapa ratus tahun. Kebebasan diberi secara stages, daripada 1776 sampai tahun 1961 baru rakyat Amerika diberi kebebasan sepenuhnya untuk menjadi pengundi, menjadi berpersatuan dan sebagainya. Bahkan soal slavery, dengan izin, wujud pada masa Amerika Syarikat merdeka. Jadi, sekarang soal kita baru merdeka baru 30 tahun lebih sudah hendak disoalkan dibandingkan terus dengan pihak Amerika.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan dari sahabat saya. Adakah beliau sedar bahawa Amerika merupakan orang yang paling racist dalam dunia. Yang keduanya, tidakkah Amerika menggunakan satu undang-undang yang paling repressive, undang-undang yang digunakan sewaktu perang saudara untuk mengadili seorang ketua agama Islam yang buta supaya diletakkan dalam penjara. Apabila seorang yang lain, O.J. Simpson, dibebaskan oleh pihak mahkamah, maka dikatakan mahkamah tidak adil. Adakah ini penegak undang-undang hak asasi manusia?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau saya hendak mengulas, Tuan Pengerusi, soalan keadilan ataupun kebebasan di Amerika, satu hari pun tidak habis, boleh buat tesis. Tengok O.J. Simpson dihakimkan, bila O.J. Simpson dibebaskan, dia kata O.J. Simpson ini berlandaskan oleh kerana racist. Macam-macam cerita hitam desakan panel of jury, semua sekali. Tetapi bila sheikh yang dikata mengetuai satu kumpulan, mengebom World Trade Centre itu, convicted juga. Dia kata ada connection dengan pengeboman demikian berlandaskan evidences ataupun bukti-bukti yang lansung tidak ada truth....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya minta penjelasan sahabat saya. Apakah pandangan beliau terhadap satu berbicaraan yang berdasarkan kepada circumstantial evidence dengan menggunakan satu undang-undang yang

lapuk. Perkara ini diterima sebagai halal di Amerika sedangkan perbicaraan yang menggunakan sistem juri di mana juri itu juga ditentukan oleh mahkamah dikatakan sistem itu adalah sistem yang racist. Adakah ini tidak memeningkan kepala kepada kita? Terima kasih.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Semua orang yang telah dipilih menjadi juri adalah dipilih berlandaskan mereka ini dianggap iaitu akan boleh menegakkan undang-undang berlandaskan evidence-evidence yang dikeluarkan. Bahkan, ada segelintir mengatakan evidence yang dikeluarkan dalam penghakiman sheikh yang buta itu, adalah yang difabricated ataupun dibuat-buat oleh pihak FBI. Jadi, dalam landasan yang sedemikian, masih pihak kehakiman menghukumkan berlandaskan circumstantial evidence yang tidak kukuh tetapi memang sudah dari awal-awal lagi, Tuan Pengerusi, dia memang situduh inilah guilty, situduh inilah menjadi scapegoat dan divictimisekan oleh pihak Amerika. Cuba kita pandang, apabila di satu tempat yang kena bom, satu bangunan yang besar runtuh beribu-ribu mati. Sebelum apa, sudah keluar kata ini memang orang Arab yang buat kerana dia nampak seorang yang berambut hitam dari keluar satu tempat itu, bila atas penyelidikan baru terkeluar, memang tiap-tiap satu perkara berlaku kalau ada pengeboman, penembakan, pandangan awal ialah orang lain yang buat, bukan yang kulit putih. Jadi ini preconcieve ideas, pihak di Amerika. Bukan saya menyalahkan Amerika ini tetapi Amerika tidak boleh disebut langsung sebagai satu model....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang bangun Yang Berhormat, minta jalan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu habis. Menjadi satu model, demokrasi, freedom yang boleh diikuti ataupun dicontohi.

Tuan Noh bin Omar: Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat dari Batang Lumar. Tentang freedom di US ini sama ada Yang Berhormat bersetuju ataupun sedar, dalam Kongress Amerika ada lima orang senator yang mewakili negara-negara seperti Daerah Columbia, American Samoa, Puerto Rico, Guam dan Virgin Islands. Ini adalah wilayah wilayah Amerika tetapi oleh kerana senator-senator ini mewakili wilayah-wilayah yang sebahagian besar daripada penduduknya terdiri daripada kulit hitam, mereka tidak ada hak mengundi di dalam Kongress, mereka boleh berbahas tetapi hak mengundi itu diketepikan di bawah Perlembagaan Amerika Syarikat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini salah satu daripada contoh, contoh-contoh demokrasi yang diamalkan di negara Amerika. Kalau kita post-mortem semua negeri Amerika itu sebagai satu model negara yang bebas, yang liberal yang demokratik memang tidak ada langsung yang boleh kita ikutkan. Bahkan, the second America yang menjadikan United Nations itu satu badan yang tidak demokratik telah menunjukkan yang Amerika itu sendiri jadi pengasas undemocratic nations of the world. Jadi, inilah orang yang DAP kata baik, kita kena ikut. Dia baca piagam UN, saya sudah membaca dalam universiti saya baca, kita katakan ini United Nations bukan apa, paper tiger yang tidak boleh guna punya, yang diguna pihak besar-besar, Amerkia, Perancis, United Kingdom dan sebagainya, Russia for example.

Jadi, Tuan Pengerusi, kalau soalan United Nations tidak payah kita sebut lagi. United Nations itu sendiri the most undemocratic association of nations. Kalau kata kita democratic macam pula dia hendak tunjuk kepada kita, kita mesti demokratik, kita must be total freedom, semua ikut apa cerita dia tetapi dia sendiri, orang kata yang ketam ini jangan ajar anak berjalan betul tetapi dia sendiri

berjalan senget, macam mana hendak suruh anak jalan lurus? Walaupun Dato' Usman Awang kata ketam memang jalan macam tu. Betul, ketam ke pinggir, betul United Nations, betul DAP memang menyeleweng. (*Tepuk*).

Jadi, Tuan Pengerusi. saya memang, bukan saya, tetapi soalan ini, saya baca Plato, Tuan Pengerusi, buku Plato saya baca (sambil menunjukkan buku tersebut), minggu lepas saya baca Confusius, jadi baru saya pinjam buku pendidikan soal Islam. Jadi, soalan dia orang ini dari segi teori, kalau baca Plato, tolonglah kawan-kawan daripada DAP bacakan buku ini: Socrates, Plato, mereka ini pengasas semua hal teori-teori dan falsafah-falsafah barat, semua asal usulnya satu peringkat sahaja yang bebas, macam mana yang dikatakan oleh Presiden Amerika yang ketiga, semua orang ada hak yang sama tetapi bilahujung-hujung cerita hak yang sama itu orang yang dianggap ulun itu, hamba abdi itu tidak payah ada hak kerana mereka itu bukan manusia. Inikah yang kita percaya? Orang yang betul-betul double-standard, yang equality itu for the white, but for the coloured people there is no equality. Oleh kerana they are subhuman, kata mereka.

Jadi, Tuan Pengerusi, soalan kebebasan ini relative, negara kita perlu berlandaskan kebebasan yang kita ada sekarang. Siapa kata orang tidak boleh tubuh parti-parti? Siapa kata orang tidak boleh tubuh persatuan di Malaysia, cakap dengan saya. Kenapa wujudnya DAP, kenapa wujudnya PAS, oleh kerana kita percaya kebebasan berpersatuan, kebebasan beragama dan bermacam-macam lagi kebebasan kita. Kadang-kadang ada orang bertanya dengan kita, dengan saya, I think we are a little bit too free. Too free, menggalakkan orang membuat bermacam-macam perkara. Kita kata DAP tidak boleh buat surat khabar, dia buat akhbar *Roket*. Dia buat *Roket* dia kata untuk dijual dengan ahli DAP tetapi bersepah di sana sini, *Harakah* pun macam itu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa cukup, Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, saya rasa sedih langsung kalau soalan kebebasan ini dikatakan negara kita tidak bebas, membuat satu gambaran yang tidak baik kepada masyarakat di luar bandar dan ini dipetik dalam surat khabar di sana sini.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada orang minta jalan Yang Berhormat. Hendak minta jalan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dan mengata kita ini jahat, jadi orang di luar bandar itu, pelabur yang hendak...

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tunggu dia dulu, tunggu dia dulu.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduklah situ, cakap kawan tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: Masa sudah cukup dah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tunggu dia dulu Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tunggulah dulu.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Masa sudah cukup, tetapi Tuan Pengerusi beri saya menggulung ini, jadi gulungan saya belum habis. Jadi, kalau dipetik dari surat khabar yang negatif ini, pelabur-pelabur Malaysia ini yang tidak baik, tidak bebas yang tidak ada keselamatan kepada pelaburan mereka, jadi ini adalah satu gambaran negatif, satu promosi yang jahat, perbuatan yang tidak baik oleh pihak pembangkang. Saya tidak bersetuju langsung, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

5.59 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, muka surat 451 Butiran 030000 Perhubungan Pelbagai Hala. Sebelum saya mulakan ucapan, saya hendak menekan di sini bahawa tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka hanya menyebutkan mengenai Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, tetapi Parit Sulong dan juga "Batang yang terpular"....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (Bangun).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, dia bangun Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sangkaan jahat.

Dr. Tan Seng Giaw: Menyimpang kepada Amerika Syarikat sahaja.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (Bangun).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak? Dia bangun, dua bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Apabila kita mengatakan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, semua orang berfikir bahawa Amerika yang mencipta. Jadi the founder, the so-called father of democracy, the so-called father of human rights, dengan izin, orang kata Amerika. Jadi, macam mana seorang pemimpin dari Kota Melaka hendak mendasarkan, hendak menunjukkan kebenarannya berasaskan kepada satu pemikiran yang sudah obsolete, yang sudah kuno, tidak boleh diterima oleh masyarakat kita sendiri, yang merdeka? Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sebagai ahli Bangsa-Bangsa Bersatu, adakah negara kita mengiktiraf Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu? Bila kita menjadi ahli Bangsa-Bangsa Bersatu, kita mengiktiraf Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Kita mengiktiraf Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu pada satu ketika. Sekarang ini, kita mendapati piagam itu sudah menjadi 'irrelevant', sudah menjadi 'obsolete', sebab itu, kita minta distruktur semula, dikaji semula.

Adakah Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini buta ataupun pekak, tidak dengar perkara ini? Saya minta Dewan ini, jangan dimanipulasikan dengan pemikiran yang kolot dan pemikiran yang sempit.

Oleh kerana pendirian Malaysia sekarang, kita minta Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dikaji semula, kita minta PBB distruktur semula, oleh kerana kita mendapati perkara ini tidak lagi relevant dengan zaman kita dan perkembangan kita.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Parit Sulong fikiran yang jumud ini tak dapat diterimalah kerana ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya sering membaca, mereka menyeru supaya disusun semula Bangsa-Bangsa Bersatu dan sebagainya tetapi tidak mengatakan, membatalkan ataupun memansuhkan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, itu hakikat dari kenyataan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, sekali lagi dia menyeleweng, Tuan Pengerusi. Saya tidak kata kita minta batal. Kita mendapati setengah-setengah perkara yang menjadi 'irrelevant'.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya hendak berucap.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, dia menyelewengkan keadaan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pertanyaan Yang Berhormat, sekejap Parit Sulong minta jalan, beri dia jalan, ya sila.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini, dia pakar menyelewengkan perkara. Saya kata, Malaysia sekarang berpendirian bahawa Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu yang ada sekarang ini telah didapati beberapa perkara yang menjadi 'irrelevant' yang didapati 'obsolete' Sebab itu mahu dikaji semula supaya diberi satu nafas baru selaras dengan keadaan dunia yang baru, bukan dunia yang multipola tetapi dunia yang unipola, yang tak ada musuh lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong ini dengan fikiran yang jumud begitu susahlah sekarang, sangat susah! Tetapi, walau bagaimanapun,....

(Y.B. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad meninggalkan Dewan)

Sangat susahlah! Dia pun hendak lari diri dah.

Tuan Pengerusi, saya tak nampak sama ada Parit Sulong ataupun Batang yang terlupar yang mengambil perhatian

mengenai masalah Kementerian Luar Negeri. Saya akan bermula dengan apa yang hendak kita bincangkan di sini.

Tuan Pengerusi, mengenai ujian nuklear. Menurut wawancara dengan Jaques Chirac, Presiden Perancis, di dalam Times, 11hb. Disember, Jaques Chirac, dengan izin, Tuan Pengerusi. "What surprise you (Jaques Chirac) most about the international reactions to renew nuclear testing". Dan Presiden Perancis menjawab: "I imagine the reactions will be sharp especially because certain organisation specialised in feeding set reactions. But I think they have been overestimated. For example, we have closely monitored French sale abroad including in the countries most critical of us and have seen no effect in this area. In 1992, France interrupted its test for political reasons before the completion of our programme. It was indispensable to carry out several more to ensure the security and reliability of our arsenal, finally not only world fronts sign the Nuclear Test Ban Treaty in 1996, it was also the first country to call for the zero option that is a ban even on small test."

Tuan Pengerusi, ini jelas mengatakan bahawa Presiden Perancis langsung tidak mengindahkan bantahan daripada dunia seantero. Dan saya hendak menanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah pendirian Malaysia sekarang mengenai kenyataan seperti Presiden Perancis ini yang langsung tidak mengambil pusing mengenai apa yang disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini. Kita pun pernah membuat keputusan mengenai satu usul yang membantah terhadap Perancis ini. Dan apakah tindakan kementerianya, untuk menyusul kepada perkara pembantahan terhadap ujian nuklear Perancis di Pasifik Selatan?

Saya diberitahu bahawa pihak Perancis akan terus mengadakan ujian-ujian ini sehingga tahun depan. Dan ekor

daripada itu, apakah tindakan yang selanjutnya yang diambil oleh pihak Malaysia?

Satu perkara lagi, mengenai perjanjian damai Daton Amerika Syarikat mengenai Bosnia-Herzegovina dan di sinilah 'Batang yang terlupar' dan juga 'Parit yang sulong' tidak begitu berminat mengenai yang terjadi di Bosnia sekarang ini. Saya berharap, perjanjian damai ini akan dapat dijayakan.

Walau bagaimanapun, didapati bahawa kalau kita kira senjata-senjata yang diperolehi oleh pihak Serb dan juga pihak Bosnia, kita dapati bahawa Serb mempunyai sepuluh kali ganda senjata berat berbanding dengan orang-orang Islam. Orang-orang Serb memperolehi 400 buah kereta kebal, walhal orang-orang Islam hanya mempunyai 100 buah kereta kebal. Ini memang satu keadaan yang tidak adil dan sekiranya perdamaian tidak dapat diwujudkan, mungkin tidak dapat diwujudkan kerana pihak Serb dan juga pemimpin-pemimpin Serb tidak bersetuju dengannya dan jeneral-jeneral Serb, orang-orang Serb pun ada mengatakan mereka buat persiapan untuk menentang. Apakah pendapat kementerian mengenai sikap dan perbuatan orang-orang Serb ini? Dan adakah Amerika Syarikat akan memberi senjata dan latihan kepada orang-orang Islam di Bosnia untuk menyeimbangkan keadaan? Kerana saya tidak nampak pihak Serb akan melepaskan senjata yang sepuluh kali ganda berbanding dengan orang-orang Islam kerana mereka akan terus memegang senjata dan kuasa yang mereka perolehi untuk menentang perdamaian.

Saya berharap pihak kementerian dapat mengambil tindakan yang selanjutnya untuk memastikan perdamaian wujud di Bosnia kerana setakat ini, kita pun tahu satu suku juta orang di Bosnia telah dibunuh dengan kejam di dalam medan

pembunuhan Bosnia dan juga di Bosnia kira-kira 2.7 juta orang, setengahnya kanak-kanak yang telah lari dari rumahnya kerana perang.

Dan juga, saya berharap pihak kementerian pun akan peka kepada orang-orang pelarian di kawasan-kawasan yang lain termasuk kira-kira dua juta orang Rwanda yang lari daripada tanah air kepada kem-kem di Zaire dan Tanzania.

Dan kira-kira tiga juta orang Afghanistan telah melarikan diri ke Iran dan Pakistan dan banyak tempat lagi. Ini tiga contoh yang menunjukkan kesengsaraan orang-orang di Bosnia, di Rwanda dan juga Afghanistan. Apakah pendirian dan juga langkah yang telah diambil oleh pihak kementeriannya untuk mengatasi masalah-masalah penderitaan manusia di negara-negara asing ini?

Tuan Pengerusi, mengenai perhubungan di antara ASEAN, negara-negara Asean; tahun lepas pihak Vietnam, ataupun tahun ini, pihak Vietnam telah pun menyertai Asean. Ini satu langkah yang baik, saya berharap pada satu hari kelak, ketiga-tiga negara seperti Cambodia dan Laos dan juga kalau regim Myanmar ada bertukar corak pemerintahannya kepada corak yang lebih demokratik, kita pun perlu menerima Myanmar sebagai satu anggota di dalam Asean. Jadi sepuluh buah negara di dalam Asean yang menunjukkan satu pakatan yang baik.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Masa cukup? Tetapi, ada satu, dua point lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila gulung, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya! Hendak gulung. Di dalam pakatan Asean ini, kita pun ada Common Effective Preferential Tariff (CEPT), tetapi nampaknya negara-negara seperti Indonesia dan juga Vietnam mungkin ada masalah untuk mematuhi syarat-syarat CEPT ini untuk mewujudkan Asean Free Trade Area (AFTA).

Apakah pendapat Yang Berhormat ataupun kementerianannya mengenai masalah CEPT di negara-negara Asean ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada dua orang lagi, sila Ledang.

6.11 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail (Ledang): Terima kasih Tuan Pengerusi, Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan perkara-perkara di bawah Maksud B. 51, tetapi sebelum itu, saya merasa setuju dengan rakan-rakan yang lain sebelum ini bahawa sesiapa sahaja rakyat Malaysia yang sengaja memburuk-burukkan nama baik negara kepada orang luar dengan apa cara sekalipun adalah pengkhianat dan berniat jahat terhadap rakyat di negara ini, kerana kesannya adalah 'disasterous' kepada negara. Orang-orang ini sengaja mahu melihat keyakinan orang-orang luar terhadap negara kita terjejas dan akhirnya membantutkan kejayaan yang sedang dicapai oleh negara. Sesiapa sahaja yang tidak mahu melihat negaranya maju dan berjaya adalah pengkhianat.

Tuan Pengerusi, saya hendak berbalik kepada pecahan 030100 iaitu Pertubuhan Serantau dan Kerjasama Asean. Asean kini telah menjadi sebuah pertubuhan yang cukup matang, mantap dan kuat dengan penyertaan Vietnam dan berkemungkinan Laos, Kemboja dan Myanmar akan menyertai pertubuhan ini dengan lebih kurang hampir 400.000.000

penduduk. Maka saya rasa pertubuhan Asean adalah satu kekuatan yang cukup hebat dan perlu kita banggakan. Kita juga berbangga kerana Asean memperlihatkan perpaduan dalam menangani isu-isu antarabangsa. Misalannya, negara-negara Asean telah bersetuju untuk meluluskan perjanjian bagi menjadikan Asia Tenggara sebagai Zon bebas senjata nuklear. Cuma saya ingin penjelasan dari kementerian sama ada negara-negara anggota Asean seia-sekata dalam menangani isu EAEC atau ada apa-apa perbezaan pendapat tentang EAEC, khususnya di antara Malaysia dengan Indonesia kerana mengikut Prof. Jimmy Mckey dalam rencananya yang bertajuk "A Political Overview Of South East Asia", Indonesia nampaknya tidak begitu bersetuju dengan gagasan EAEC kerana, dengan izin, Indonesia preferred the APEC formula because it included the United States as a potential counter way to Japan, suspecting that Mahathir EAEC would find itself too dominated by the Japanese for Asean's comfort. The differences of approach between Suharto and Mahathir in the international politic of the region were certainly epitomized by the issue".

Saya ingin penjelasan dari kementerian sama ada perbezaan pendekatan di antara dua buah negara dalam konteks EAEC. Demikian juga dengan AFTA (Asian Free Trade Area), saya ingin penjelasan sama ada terdapat apa-apa perbezaan pendapat di antara negara-negara anggota yang menyebabkan lambatnya proses pelaksanaan AFTA dan apakah perkembangan AFTA setakat ini? Kerana tidak syak lagi AFTA merupakan satu kerjasama ekonomi yang begitu bermanfaat dan berfaedah untuk negara-negara anggota Asean.

Tuan Pengerusi, perkara kedua ialah Butiran 020000-dalam kontek Hubungan Dua Hala. Hubungan Dua Hala di antara Malaysia dengan negara-negara luar adalah

amat perlu dipelihara. lebih-lebih lagi dengan negara-negara jiran. Misalannya di antara Malaysia dengan Singapura, Malaysia dengan Thailand, Malaysia dengan Indonesia. Saya ingin merujuk kepada satu insiden di mana dua orang nelayan Thailand yang telah ditembak mati oleh pasukan Navy kita dan perkara ini walaupun mungkin tidak dapat dielakkan tetapi kita harap supaya sensitiviti sebagai jiran dan sebagai anggota ASEAN hendaklah dipelihara dan dikekalkan, khususnya oleh mereka yang menguatkuasakan penguatkuasaan di sempadan dan di perairan bersama supaya insiden-insiden seperti ini tidak mencetuskan kontroversi dan tidak menimbulkan kemarahan dari pihak yang terlibat dan jikalau mereka juga mengambil rekreasi yang sama, maka permusuhan akan berlarutan di antara dua negara dan ini akan menyulitkan perhubungan 'G-to-G' di antara dua buah negara berjiran lebih-lebih lagi negara-negara anggota Asean.

Perkara ketiga dan akhir sekali ialah Butiran 020300-Aktiviti Penerangan Luar Negeri. Kita mahu supaya Bahagian Penerangan Kedutaan di negara-negara luar bersifat proaktif dan dinamis. Mereka seharusnya bertanggungjawab untuk mencegah mana-mana pihak daripada memburukan imej negara sama ada dari dalam negeri ataupun dari luar dan ini adalah menjadi tanggungjawab kedutaan kita untuk membersihkan dan memprojeikan nama baik negara.

Kedua, ialah untuk mempromosikan nama negara kita supaya pelabur-pelabur dan pelancong-pelancong suka datang ke sini dan ini merupakan satu sumber pendapatan kepada negara. Jadi, oleh kerana itulah kita berharap mudah-mudahan perkara seperti yang dilaporkan oleh TV Bangladesh dan media-media cetak Bangladesh yang melaporkan penganiayaan, kononnya, di kem-kem tahanan pendatang asing yang digembar-gemburkan oleh pihak pembangkang telah menjadi satu isu yang diperbesar-besarkan di luar negara dan kita tidak mahu ini berlaku.

Kita berharap juga kepada pembangkang supaya jikalau ada sebarang masalah, maka inilah forum yang terbaik untuk kita menyelesaikan masalah ini, bukan kita melaporkan perkara ini kepada pihak luar dan memburuk-burukkan nama baik negara. Ini bukan cara yang betul dan cara yang beretika untuk kita sebagai rakyat Malaysia. Maka dengan itu, Bahagian Penerangan Kedutaan kita perlu dikemaskinikan dan mereka seharusnya dapat menjalankan tugas dengan berkesan, memprojeikan nama baik negara dan juga meyakinkan orang luar tentang kehebatan Malaysia dari segi perpaduan rakyat majmuknya, dari segi keindahan alam semula jadinya, dari segi kemantapan ekonominya dan dari segi-segi yang lain.

Itulah yang kita harapkan supaya perkara ini dipromosi dan di ambil berat oleh kedutaan-kedutaan kita di luar negara. Oleh itu, pegawai-pegawai kita di luar negara perlu diberikan maklumat yang terkini dan muktahir tentang apa yang berlaku di negara kita supaya mereka juga arif dan mempunyai maklumat yang cukup dan sempurna untuk mereka menjalankan tugas di luar negara bagi mengangkat nama baik negara kita dan saya juga berharap mudah-mudahan pelajar-pelajar kita di luar negara juga diberikan maklumat yang terkini dan muktahir tentang apa yang berlaku di negara kita.

Mereka juga sebagai duta-duta kecil yang perlu diberikan maklumat ini. Mereka juga bertanggungjawab untuk mengangkat nama baik negara kita ataupun sekurangnya kalau mereka tidak mampu menjalankan tugas ini, mereka sendiri tidak mempunyai satu prasangka prejudis terhadap negara mereka sendiri.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup.

Tuan Hashim bin Ismail: Jadi, kerana itulah harapan saya mudah-mudahan perkara-perkara seperti ini diberikan perhatian oleh pihak kementerian supaya negara kita Malaysia yang sedang mencipta nama di peringkat antarabangsa akan terus dihormati oleh dunia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Seputeh. Selepas itu kementerian menjawab.

6.21 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Pengerusi, dengan mengadakan hujah-hujah daripada Yang Berhormat dari Ledang, negeri Johor—maaf tidak kenal—tetapi saya pujilah Yang Berhormat itu membangkitkan perkara tentang pembunuhan dua orang nelayan Thai oleh peronda TLDM, bulan November tahun ini. Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 030000 di bawah Program dan Aktiviti 030300—Perhubungan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, apakah penyelesaian mengikut semangat ASEAN yang sudah dicapai di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thai ekoran tragedi pembunuhan dua orang nelayan Thai oleh TLDM bulan November tahun ini? Apakah benar seperti laporan di Thailand, satu Mesyuarat Thai/Malaysia General Border Committee yang dijadual berlangsung pada 21hb. Disember 1995 ditangguhkan kerana tragedi TLDM menembak dua orang nelayan Thai ini. Satu penyiasatan yang menyeluruh mestilah disegerakan supaya meletakkan hukuman ditangan sendiri dapat dielakkan demi menjaga imej Malaysia di luar negara.

Tuan Pengerusi, adakah kerajaan akan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak ada masa, Yang Berhormat Parit Sulong. Minta maaf.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta penjelasan sedikit sahaja.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak ada masa, nanti injury time tidak ada.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya hendak minta penjelasan, kalau tidak keliru nanti. Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa Yang Berhormat saya berikan pada hari ini sahaja.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan pengerusi, saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Silakan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Sebelum Ahli Yang Berhormat ini membuat gesaan supaya kerajaan menjaga imej dan sebagainya, adakah beliau mendapat laporan dari satu pihak lagi mengapa perkara itu berlaku?

Sekiranya tidak ada, bermakna tidak adil untuk kita mengingatkan kerajaan supaya membuat benda yang betul dan sebagainya. Mungkin ada yang tidak

Tuan Liew Ah Kim: Cukup faham, cukup jelas. Saya faham apa maknanya. Memang kita ini terpulang kepada kementerian yang berkenaan untuk mengambil tindakan, siasatan ataupun penyelesaian sekiranya perlu. Kalau pihak kerajaan fikir tidak perlu, itu biarkan

sahajalah. Itu pandangan saya, memberi hujah-hujah kepada pihak yang berkenaan supaya tindakan dapat diambil dengan segeranya.

Tuan Pengerusi, adakah kerajaan akan mengambil tindakan disiplin terhadap anggota TLDM yang terbabit dalam tragedi ini, sama ada nelayan Thai yang ditembak itu mempunyai senjata api? Sama ada nelayan Thai yang ditembak itu mempunyai senjata api ataupun pihak peronda TLDM telah menjumpai senjata api di dalam bot nelayan Thai berkenaan? Sudah ditemui senjata api, adakah kerajaan akan memulangkan semula senjata api tersebut kepada Kerajaan Thailand? Apakah jenis senjata api yang ditemui di dalam bot berkenaan?

Pada 25hb November 1995, Menteri Luar Thailand, Jeneral Juvelic Yong Chiuk telah membuat kenyataan berhubung tragedi menembak dua orang nelayannya oleh peronda TLDM iaitu, dengan izin, "However, the attack took place in Malaysian waters, I want to ask why Malaysia did not warn them or just arrest them. Look at the difference between the two vessels. The Malaysian vessel is about 1,400 tons while the Thai boat is only about 16 metres long".

Adakah Kementerian Luar telah menafikan dakwaan Menteri Luar Thailand ini kerana ianya menggambarkan pendirian tidak puas hati Kerajaan Thailand dengan tindakan peronda TLDM yang ternyata bertindak di luar batas hak asasi manusia.

Tuan Pengerusi.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Ahli Yang Berhormat telah menghukum TLDM.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak payahlah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, hendak minta jalan?

Tuan Liew Ah Kim: Saya tidak beri jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Adakah adil untuk diizinkan Yang Berhormat membuat hukuman terhadap TLDM sedangkan beliau sendiri tidak mempunyai fakta yang jelas? Beliau sendiri tidak mempunyai fakta yang jelas, dia hendak menghukum TLDM?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, saya minta di.....

Tuan Liew Ah Kim: Saya tidak beri jalan, buat satu ruling.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan, minta duduk.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Point of order, Tuan Pengerusi iaitu 36(10) di mana perkara yang membabitkan masalah jabatan kerajaan dan dalam hal ini, berlaku satu kejadian. Kita tidak tahu antara dia dan saya sendiri pun tidak tahu apa yang sebenar-benarnya dan beliau mengatakan dengan ini TLDM terkeluar dari tindakan hak asasi manusia. Ini menghukum. Adakah perkara ini ingin diizinkan untuk dibahaskan dalam Dewan ini?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat, minta jasa baik Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih.

Tuan Liew Ah Kim: Apa yang saya hujahkan, saya akan bertanggungjawab sepenuhnya. Tidak payah memberi nasihat kepada saya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak ada. Saya tidak minta Yang Berhormat bertanggungjawab. Yang Berhormat telah menghukum satu agensi kerajaan pada hari ini. Yang Berhormat tidak ada fakta. Mengapa.....
(*Pembesar suara dimatikan*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, tidak boleh berbahas macam ini. Sila teruskan, Seputeh.

Tuan Liew Ah Kim: Mengapa dia hendak mengganggu saya melafazkan ucapan saya?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak minta jalan?

Tuan Liew Ah Kim: Tidak beri jalan. Saya ingat dia tidak mahu dengar. Saya hendak cakap imej Kerajaan Malaysia kita.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Point of order 36(10), Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya tidak nampak ada apa-apa perkara yang menyalahi Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak, masalahnya Tuan Pengerusi, mungkin perkara ini dalam siasatan. Kerajaan kita mempunyai kebijaksanaan untuk menguruskan perkara ini. Jadi, yang saya persoalkan beliau menghukum TLDM bertindak di luar hak asasi manusia. Ini perkara yang berat.

Tuan Liew Ah Kim: Saya tahu perkara itu. Perkara ini dijalankan siasatan. Saya memang faham itu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kalau you faham, kenapa you cakap?

Tuan Liew Ah Kim: Kerana saya faham, saya cakaplah. (*Ketawa*) tidak faham apa hendak cakap? You mean cakap dengan langsung tidak tahu apa perkara itu? Hai, macam mana standard Barisan boleh ditingkatkan, tidak tahulah.

Tuan Pengerusi, sekiranya Kerajaan Thailand menyatakan pendirian tidak puas hatinya, ini dengarlah baik-baik. Adakah benar ianya dapat diselesaikan melalui semangat ASEAN? Akhbar-akhbar di Thailand sudah pun menyatakan bahawa salah seorang mangsa yang ditembak itu seorang budak lelaki berusia 14 tahun. Adakah Kementerian Luar Menafikan dakwaan akhbar-akhbar di Thailand bahawa peronda TLDM tidak membuat tembakan amaran kerana terdapat kesan...

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Timbalan Menteri bangun dan masa pun sudah cukuplah untuk hari ini.

Tuan Liew Ah Kim: Tembakan....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.....

Tuan Liew Ah Kim: Masa belum cukup. Ada dua minit lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak, masa untuk hari ini sudah cukup. Masa untuk Yang Berhormat pun sudah cukup. Saya minta kementerian untuk menjawab pada esok hari.

Tuan Liew Ah Kim: Tolonglah, satu minitlah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak adalah, jangan beri peluang.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita tengok esoklah, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Jurucakap Kerajaan Thailand!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk hari ini.

Tuan Liew Ah Kim: Parit Sulong, BBC Chairman like that?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: You pergi Thailand, jadi jurucakap Thailand lagi bagus.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: What? You are a Malaysian or not?

Tuan Liew Ah Kim: I am Malaysian. I am loyal to this country.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, dia tidak ada fakta, dia hendak cakap ini.

Tuan Liew Ah Kim: Lagi taat setia bandingkan dengan you.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Pengkhianat ini!

Tuan Liew Ah Kim: You pengkhianatlah!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: You pengkhianat!

Tuan Liew Ah Kim: You pengkhianat! Youlah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: You spokesman!

Tuan Liew Ah Kim: Saya mewakili...

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nanti, sambung di luar, Yang Berhormat. *(Ketawa)*.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.